TINJAUAN KESELURUHAN

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Pertama 2003

Pertumbuhan suku pertama dalam jangkaan...

Ekonomi Malaysia terus berdaya tahan meskipun persekitaran luar negeri memperlihatkan keadaan ketidakpastian yang meningkat dan kesan wabak SARS terhadap ekonomi serantau pada akhir suku pertama. Pertumbuhan KDNK benar pada suku pertama 2003 adalah dalam jangkaan. Kegiatan ekonomi berkembang pada kadar tahunan 4% berbanding 1.3% pada tempoh yang sama tahun 2002. Pengembangan tersebut adalah positif dan merangkumi kesemua sektor.

Pertumbuhan pada suku pertama disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri, hasil daripada perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi. Prestasi eksport di beberapa sektor terus kukuh, seterusnya memperkukuhkan permintaan dalam negeri. Pengembangan agregat monetari terutamanya M1 mencerminkan permintaan dalam negeri yang kukuh. Pertumbuhan berian pinjaman bank yang berterusan dan peningkatan yang lebih menggalakkan dapat dilihat menerusi pinjaman kepada perniagaan kecil.

Gabungan dasar fiskal dan monetari yang akomodatif, inflasi yang rendah, pasaran kerja yang stabil serta harga komoditi yang lebih tinggi merupakan faktor yang menyokong permintaan dalam negeri pada suku pertama. Permintaan dalam negeri didorong oleh perbelanjaan sektor awam bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Perbelanjaan penggunaan swasta turut memperlihatkan arah aliran yang berdaya tahan, disokong oleh promosi yang meluas oleh pihak peruncit, pertumbuhan pendapatan boleh guna yang mapan serta keyakinan pengguna yang positif. Salah satu faktor yang penting ialah pertumbuhan positif yang berterusan dalam pembentukan modal tetap kasar. Pelaburan sektor awam yang lebih besar diperuntukkan kepada pendidikan, kesihatan dan pembangunan infrastruktur. Penunjuk yang bersifat pandang ke hadapan seperti Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang mengandungi tempahan dan jangkaan pengeluaran, di samping kadar kelulusan pinjaman bank yang tinggi menunjukkan bahawa kegiatan pelaburan akan pulih apabila keadaan ketidakpastian reda.

Pertumbuhan mapan di kesemua sektor ekonomi

Pertumbuhan pada suku pertama memperlihatkan perkembangan berterusan di kesemua sektor dengan sektor perkilangan dan perkhidmatan menjadi pendorong utama. Sektor perkilangan berkembang sebanyak 5.2%, disokong oleh pertumbuhan industri berorientasikan dalam negeri yang lebih kukuh serta pengembangan industri berorientasikan eksport. Ini dicerminkan oleh kadar penggunaan kapasiti yang lebih tinggi di sektor perkilangan sebanyak 82%. Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada tahap 83% dan 80%.

Sektor perkhidmatan secara keseluruhan terus mencatat pertumbuhan yang secara relatifnya kukuh sebanyak 4%, disokong oleh permintaan dalam

negeri dan kegiatan berkaitan perdagangan sejajar dengan pengembangan eksport yang mapan. Sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi khususnya mencatat pertumbuhan yang mantap, didorong oleh pengembangan yang kukuh di sektor telekomunikasi serta peningkatan yang memberangsangkan bagi kegiatan pelabuhan dan yang berkait dengan perdagangan. Di samping itu, sektor pemborong, perdagangan runcit, restoran dan hotel menunjukkan prestasi yang lebih baik disokong oleh permintaan dalam negeri.

Kegiatan sektor pembinaan berkembang sebanyak 1.2%, disokong oleh projek sektor awam dan permintaan untuk rumah kediaman yang berterusan ketika keadaan pekerja di sektor tersebut bertambah baik. Kedatangan semula pekerja asing meningkatkan kepesatan kegiatan pembinaan. Pengeluaran di sektor perlombongan terus meningkat, didorong terutamanya oleh peningkatan pengeluaran gas asli dengan bermulanya operasi loji MLNG 3 pada bulan Mac serta pertumbuhan yang berterusan dalam pengeluaran minyak mentah. Sementara itu, sektor pertanian terus mencatat pertumbuhan yang positif meskipun pengeluaran minyak sawit mentah semakin lemah. Sektor ini disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi komoditi utama lain seperti getah, kayu balak dan koko dalam keadaan harga yang menggalakkan dan permintaan luar negeri yang kukuh.

Inflasi kekal rendah sementara pasaran buruh terus stabil

Purata kenaikan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah sebanyak 1.6% pada dua bulan pertama tahun 2003 tetapi menyederhana kepada 0.7% pada bulan Mac. Ini disebabkan berakhirnya kesan pelaksanaan tarif perkhidmatan telefon yang lebih tinggi pada bulan Mac 2002.

Secara keseluruhannya, keadaan pasaran buruh terus stabil pada suku pertama. Oleh sebab majikan menjangka kelembapan adalah bersifat sementara dan mengikut kitaran, tahap pemberhentian pekerja dan langkah-langkah pengurangan kos yang lain semakin kurang. Produktiviti meningkat dengan pertumbuhan jualan benar tahunan bagi setiap pekerja mengatasi pertumbuhan upah benar pada suku pertama.

Kedudukan sektor luar negeri kekal berdaya tahan

Lebihan dagangan adalah lebih besar sebanyak RM17.6 bilion pada suku pertama. Prestasi eksport kekal kukuh walaupun sederhana, disokong oleh peningkatan permintaan global terhadap separa konduktor. Eksport kasar meningkat sebanyak 7.8%, mencerminkan pertumbuhan eksport barangan perkilangan, pertanian dan galian. Sejajar dengan permintaan global yang kukuh, eksport separa konduktor dan minyak sawit amat memberangsangkan. Walaupun jumlah eksport minyak mentah Malaysia stabil, perolehan eksport yang lebih tinggi mencerminkan harga minyak yang lebih tinggi kesan daripada peperangan. Pertumbuhan import menyederhana kepada 2.3% disebabkan terutamanya oleh peningkatan import yang lebih perlahan bagi barangan pengantara. Mencerminkan kekukuhan penggunaan swasta yang masih mapan, import barangan penggunaan meningkat sebanyak 4.7%, sementara import barangan pelaburan tidak termasuk import *lumpy* meningkat sebanyak 0.3%.

Ketibaan pelancong kekal menggalakkan iaitu sebanyak 2.9 juta orang pada suku pertama walaupun risiko geopolitik semakin ketara. Jumlah ketibaan pelancong dapat dikekalkan dengan purata ketibaan sebanyak satu juta orang setiap bulan, tetapi

merosot kepada 0.8 juta orang pada bulan Mac disebabkan terutamanya oleh penularan wabak SARS. Kesan SARS, setelah nasihat perjalanan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dikeluarkan mulai pertengahan Mac, lebih tertumpu di kalangan pelancong dari Singapura dan Hong Kong. Kesan SARS ke atas industri pelancongan dijangka semakin kurang pada separuh kedua tahun 2003.

Berdasarkan Sistem Laporan Imbangan Pembayaran berasaskan Tunai, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (FDI) dalam bentuk ekuiti langsung dan pinjaman antara syarikat (tidak termasuk perolehan tertangguh) meningkat sebanyak RM3.1 bilion pada suku pertama 2003. Dari segi komposisi, pinjaman antara syarikat mencakupi bahagian yang penting daripada aliran masuk kasar FDI pada suku pertama. Kira-kira 60% daripada jumlah pinjaman diterima oleh sebuah syarikat multinasional (MNC) daripada syarikat sekutunya melalui operasi pusat perbendaharaannya di Malaysia. Aliran masuk ekuiti langsung terus disalurkan ke sektor perkilangan serta minyak dan gas. Aliran keluar FDI pada suku pertama mencerminkan terutamanya pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat yang lebih tinggi serta pembayaran untuk mengambil alih kepentingan asing di sektor gas. Setelah mengambil kira aliran keluar kasar, FDI mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM3.3 bilion. Memandangkan aliran keluar bertujuan terutamanya untuk membiayai pertukaran hak milik kepentingan perniagaan daripada bukan pemastautin kepada pemastautin, aliran FDI tersebut tidak memberi kesan buruk terhadap kegiatan ekonomi di Malaysia. Sementara itu, pelaburan luar negeri bersih mencatat aliran keluar yang lebih rendah sebanyak RM1.1 bilion (S4 2002: -RM2.1 bilion), dengan pelaburan terutamanya di sektor minyak dan gas serta pembuatan bahagian komponen komposit bagi industri aeroangkasa. Aliran keluar pelaburan portfolio adalah lebih rendah berjumlah RM1.6 bilion pada suku pertama.

Rizab terus meningkat

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM132.6 bilion atau AS$34.9 bilion pada akhir Mac 2003. Paras rizab turut mengambil kira pelarasan suku tahunan keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang belum terealisasi berjumlah AS$211 juta. Mencerminkan asas ekonomi yang kekal kukuh, rizab antarabangsa bersih terus meningkat kepada RM139.7 bilion atau AS$36.8 bilion pada 13 Jun 2003. Paras rizab adalah mencukupi untuk membiayai 5.7 bulan import tertangguh dan 4.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Hutang luar negeri terkawal

Kedudukan jumlah hutang luar negeri Malaysia stabil pada RM186.8 bilion (AS$49.1 bilion) pada akhir Mac 2003, bersamaan 52.9% daripada KNK. Walaupun pinjaman luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat sedikit, jumlah hutang luar negeri jangka pendek berkurang kepada RM30.9 bilion atau AS$8.1 bilion. Hutang jangka pendek yang lebih rendah mencerminkan penurunan dalam kredit pusingan sektor swasta bukan bank disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik kemudahan pinjaman tersebut oleh beberapa buah syarikat utama. Pada akhir bulan Mac, hutang jangka pendek hanya mencakupi 16.5% daripada jumlah hutang luar negeri, iaitu antara yang terendah di rantau ini.

Kedudukan fiskal terus berkembang

Operasi belanjawan Kerajaan Persekutuan terus berkembang pada suku pertama, disebabkan

terutamanya oleh perbelanjaan pembangunan bagi program sosial dan ekonomi yang nyata lebih tinggi. Kesannya, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit keseluruhan yang lebih besar sebanyak RM4.7 bilion pada suku pertama. Namun demikian, hutang yang belum dijelaskan oleh Kerajaan Persekutuan dapat dibendung pada tahap 45.9% daripada KDNK (45.7% daripada KDNK pada akhir 2002). Paras hutang ini terus terkawal dengan hutang dalam negeri mencakupi sebanyak 78% daripada jumlah hutang keseluruhan.

Dasar monetari akomodatif terus menyokong permintaan dalam negeri

Dasar monetari kekal akomodatif bagi menyokong kegiatan ekonomi dalam negeri pada suku pertama. Kadar antara bank dan runcit kekal rendah dan stabil sementara mudah tunai kekal lega. Sejajar dengan kegiatan ekonomi yang terus berkembang, ketiga-tiga agregat monetari iaitu M1, M2 dan M3 masing-masing juga berkembang sebanyak 8.4%, 5.6% dan 6.7% pada akhir bulan Mac. Peningkatan yang kukuh dalam M1 mencerminkan permintaan yang mapan bagi baki urus niaga. Ini selaras dengan peningkatan yang mapan dalam penggunaan swasta.

Pertumbuhan agregat monetari adalah disebabkan terutamanya oleh kegiatan pembiayaan sektor swasta yang mapan pada suku pertama. Jumlah pembiayaan kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal berkembang pada kadar tahunan 12.2%. Pada suku pertama, kegiatan pinjaman bank kekal kukuh dengan pengeluaran pinjaman berjumlah RM100.4 bilion. Dua penunjuk pelopor iaitu permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat masing-masing sebanyak 14.4% dan 14.1%. Perkembangan yang menggalakkan pada suku pertama ditunjukkan oleh pinjaman yang belum dijelaskan oleh industri kecil dan sederhana (IKS) yang terus meningkat sebanyak RM2.1 bilion. Sementara itu, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM1.1 bilion pada suku pertama atau 3.2% pada akhir bulan Mac 2003. Pada bulan April, pinjaman dan deposit terus meningkat. Kesannya, nisbah pinjaman-deposit termasuk pegangan sekuriti swasta oleh sistem perbankan berada pada tahap 93.7% pada akhir bulan April.

Jumlah dana yang diperoleh di pasaran modal adalah lebih tinggi pada suku pertama. Dana bersih yang diperoleh oleh sektor awam melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) berjumlah RM20.3 bilion. Dana bersih yang diperoleh oleh sektor swasta pula berjumlah RM15.8 bilion, terutamanya diperoleh melalui sekuriti hutang swasta bagi tujuan pembiayaan semula dan penstrukturan semula hutang.

Sektor perbankan mempamerkan peningkatan daya tahan

Permodalan perbankan terus kukuh dengan meningkatnya kualiti aset dan keuntungan. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih (klasifikasi 6-bulan) terus menyederhana kepada 7% pada akhir Mac, manakala nisbah NPL (klasifikasi 3-bulan) menurun di bawah paras 10%, iaitu penurunan untuk kali pertama semenjak berlakunya krisis Asia. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras terus meningkat masing-masing kepada 13.1% dan 10.9% pada akhir bulan Mac 2003.

Danaharta meneruskan usaha-usaha pemulihan untuk memaksimumkan nilai kutipan daripada NPL dengan kadar kutipan dijangka sebanyak 56% (48% bagi pinjaman diperoleh dan 63% bagi pinjaman terurus). Jumlah kutipan

Danaharta sehingga kini bernilai RM20.3 bilion pada akhir tahun 2002, iaitu merupakan 69% daripada jumlah keseluruhan yang dijangka dapat dipulihkan daripada portfolionya. Danaharta juga mengagihkan lebihan kutipan sebanyak RM371.1 juta dalam bentuk tunai dan 55,899,542 unit sekuriti kepada 30 buah institusi kewangan sehingga akhir tahun 2002.

Penaikan taraf Bankcard berjaya dilaksanakan sepenuhnya

Perkembangan penting pada suku pertama adalah kejayaan sepenuhnya proses menaikkan taraf Bankcard oleh MEPS dan institusi kewangan tempatan. Pelancaran rasmi Bankcard pada 28 Februari 2003 menandakan kejayaan pelaksanaan salah satu daripada dua jenis penyelesaian kad pintar di bawah Aplikasi Perdana Kad Pelbagai Guna yang merupakan salah satu daripada tujuh Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia. Pada akhir bulan Mac 2003, lebih daripada 1.74 juta *Bankcard* telah dikeluarkan. Institusi perbankan juga sedang berusaha menaikkan taraf ATM untuk melaksanakan penambahan nilai MEPS *Cash* yang dijangka siap pada akhir suku kedua. Aplikasi ATM dan MEPS *Cash* adalah sebahagian daripada ciri Mykad yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Bank Negara Malaysia juga mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kefahaman pengguna dan menggalakkan penggunaan kad kredit yang berhemat. Dalam hal ini, Bank Negara telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai operasi kad kredit pada 18 Mac dengan pengeluar-pengeluar kad kredit diberi tempoh selama enam bulan untuk menyesuaikan sistem yang perlu dan memastikan sistem tersebut memenuhi syarat. Garis panduan baru ini menetapkan keperluan minimum operasi kad kredit yang menggantikan garis panduan yang dikeluarkan sebelum ini. Garis panduan baru ini juga merangkumi bidang-bidang baru seperti keperluan pinjaman yang berhemat, penggunaan kad kredit dalam kegiatan yang melanggar undang-undang, tanggungan pemegang kad tambahan, tanggungan bagi kad kredit yang hilang atau dicuri serta meletakkan tumpuan tambahan kepada kesedaran pengguna dan program pendidikan.

Prospek jangka masa terdekat kekal menggalakkan

Dalam melangkah ke hadapan, prospek ekonomi Malaysia dijangka bertambah kukuh pada separuh kedua tahun 2003. Di sektor luar negeri, ramalan ekonomi negara-negara perindustrian utama umumnya dan Amerika Syarikat (AS) khususnya adalah bertambah baik walaupun pertumbuhan berkemungkinan lebih sederhana daripada jangkaan awal. Langkah-langkah proaktif oleh pihak berkuasa di bidang dasar monetari dan fiskal diambil untuk menyokong pertumbuhan.

Di rantau ini, wabak SARS memberi kesan buruk terhadap sektor tertentu termasuk sektor runcit, perjalanan dan yang berkaitan dengan pelancongan. Prospek serantau yang dijangka menurun berikutan semakan semula ramalan pertumbuhan baru-baru ini mencerminkan kesan wabak SARS yang berbeza-beza di kalangan negara di rantau ini. Lantaran itu, Kerajaan di rantau ini mengumumkan pakej bantuan ekonomi bagi mengurangkan kesan wabak SARS. Pertumbuhan serantau keseluruhannya dijangka meningkat pada separuh kedua tahun 2003. Di Malaysia, pakej rangsangan berjumlah RM7.3 bilion diperkenalkan dengan 4 strategi utama yang melibatkan 90 langkah-langkah, bertujuan untuk mengurangkan kesan wabak SARS dan memperkukuhkan kegiatan ekonomi.

Sebagai sebahagian daripada pakej tersebut, kadar campur tangan 3 bulan diturunkan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5%. Di samping langkah-langkah lain dalam pakej ekonomi bagi meningkatkan pendapatan boleh guna, langkah ini dijangka meningkatkan potensi bagi menyokong prospek pertumbuhan. Penurunan kadar faedah merupakan langkah awal yang bertujuan untuk membantu memperkukuhkan potensi pertumbuhan dalam negeri dalam suasana pertumbuhan ekonomi global yang lebih sederhana. Memandangkan asas ekonomi yang kekal kukuh dan dasar makroekonomi yang menyokong pertumbuhan, Malaysia berada pada kedudukan yang baik bagi mencapai prospek pertumbuhan.

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN


Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Suasana ekonomi antarabangsa pada suku pertama tahun 2003 diselubungi oleh ketidaktentuan geopolitik yang ketara. Walau bagaimanapun, keadaan yang tidak menentu ini reda menjelang bulan April berikutan berakhirnya peperangan di Iraq serta kejatuhan harga minyak di pasaran global. Seterusnya, pasaran kewangan di negara-negara perindustrian utama pulih berikutan jangkaan yang optimis bahawa pertumbuhan ekonomi akan mengukuh pada separuh kedua tahun 2003. Di sebalik perkembangan positif ini, pemulihan ekonomi global mungkin terjejas disebabkan oleh keadaan tidak menentu termasuk ketegangan geopolitik dan ketidakseimbangan struktur ekonomi utama dunia. Sebarang penyelarasan yang di ambil secara mendadak terhadap defisit fiskal dan akaun semasa yang semakin meningkat boleh memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi AS dan seterusnya kepada pertumbuhan global. Pada masa yang sama, kejatuhan nilai dolar AS yang berterusan meningkatkan kemeruapan pasaran pertukaran asing global. Harga yang terus jatuh kesan daripada kapasiti berlebihan di beberapa buah negara telah menimbulkan kebimbangan mengenai deflasi dan keberkesanan dasar-dasar semasa untuk menangani keadaan tersebut. Walau bagaimanapun, jangkaan kesan positif daripada pelaksanaan pakej cukai terbaru di AS dan langkah-langkah dasar yang diambil akan menghasilkan pertumbuhan positif walaupun pada kadar yang sederhana.

Di **Asia**, penularan wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) pada suku pertama tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi kerana wabak itu hanya bermula pada akhir bulan Mac. Walau bagaimanapun, menjelang bulan Mei, keyakinan pengguna dan perniagaan merosot dengan ketara dan ini memberi kesan buruk terhadap industri perjalanan, pelancongan dan runcit serta sektor-sektor berkaitan. Walau bagaimanapun, kesan wabak SARS kepada ekonomi bergantung kepada tempoh dan tahap kebimbangan tentang kesannya kepada kesihatan. Pada awal bulan Jun, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kesan wabak SARS yang teruk di rantau ini sudah berlalu dan keadaan kini semakin bertambah baik.

Negara-negara Perindustrian Utama: Pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah pada suku pertama. Pertumbuhan ekonomi dijangka lebih kukuh dalam melangkah ke hadapan

Negara-negara Perindustrian Utama: Pertumbuhan KDNK Benar



Di **Amerika Syarikat**, data awal pertumbuhan KDNK pada suku pertama (1.6%) adalah lebih rendah daripada jangkaan pasaran (2.3%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan kerajaan yang lebih rendah daripada ramalan dan pertumbuhan perbelanjaan pengguna yang lebih perlahan. Walaupun

persediaan dibuat bagi menghadapi peperangan di Iraq, perbelanjaan kerajaan adalah lebih rendah daripada jangkaan. Tambahan pula, pertumbuhan perbelanjaan adalah yang paling rendah semenjak suku pertama tahun 1993, disebabkan terutamanya oleh pengurangan perbelanjaan untuk perkhidmatan berikutan keadaan cuaca yang buruk. Pelaburan tetap menurun dengan ketara berikutan kejatuhan perbelanjaan peralatan dan perisian yang mungkin akan menjejaskan pertumbuhan eksport negara-negara pengeksport barangan elektronik di Asia. Berdasarkan perkembangan ini, *International Monetary Fund (IMF)* telah menurunkan ramalan pertumbuhan ekonomi AS kepada 2.2% pada tahun 2003 (ramalan awal pada bulan Februari 2003: 2.4%; September 2002: 2.7%). Walau bagaimanapun, menjelang awal bulan Mei pemulihan ekonomi dapat dilihat melalui data bulanan terkini, termasuk keyakinan pengguna yang berterusan, kenaikan indeks sektor perkhidmatan, peningkatan jualan rumah serta pesanan barangan tahan lama dan barangan modal-bukan-pertahanan. Perkembangan positif tersebut lebih daripada mengimbangi kelemahan sektor perindustrian. Perkembangan positif yang lain termasuk penurunan sebaran risiko yang berterusan dalam pasaran korporat dan harga tenaga yang lebih rendah.

Walaupun ketidaktentuan geopolitik semakin reda dan kejatuhan harga tenaga akan memberi kesan positif kepada pertumbuhan pada suku kedua, kebimbangan tentang keadaan pasaran pekerja yang bertambah buruk dan risiko deflasi boleh menjejaskan prospek pertumbuhan. Kadar pengangguran meningkat kepada 6.1% dan jumlah penganggur mingguan kekal pada paras melebihi 400,000 bagi 14 minggu berturut-turut. Ini menunjukkan bahawa terdapat pengurangan dalam pengambilan pekerja. Sementara itu, pandangan *Federal Reserve Board AS (Fed)* bahawa disinflasi yang semakin ketara adalah tidak diingini dalam suasana tahap inflasi yang rendah. Ini adalah kerana ia boleh menjejaskan margin keuntungan dan menghalang pemulihan dalam perbelanjaan perniagaan. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada tekanan disinflasi. Kapasiti berlebihan yang besar berikutan berakhirnya "gelembung" ekuiti-pelaburan yang berlaku pada tahun 2001 menyebabkan meningkatnya jurang keluaran. Kelemahan pasaran pekerja dan pengurangan kesan daripada langkah pemotongan cukai mungkin menjejaskan perbelanjaan penggunaan dalam tempoh tersebut. Ini ditambah pula dengan pelaburan yang kekal lemah. Walau bagaimanapun, jangkaan terhadap inflasi secara relatifnya adalah stabil berdasarkan kajian dan sebaran bon berindeks inflasi. Ini disokong oleh rangsangan dasar yang berterusan dan jangkaan peningkatan aktiviti yang beransur-ansur berikutan keyakinan perniagaan dan pengguna serta pendapatan sektor korporat yang semakin pulih. Satu perkara yang penting ialah dasar proaktif telah digunakan untuk menyokong pertumbuhan dan menghindar berlakunya lingkaran deflasi. Secara keseluruhan, pasaran menjangkakan pemulihan ekonomi AS akan mengukuh pada separuh kedua tahun 2003, walaupun pemulihan ekonomi dijangka sederhana.

Pada suku pertama, pertumbuhan KDNK benar di **UK** kekal stabil pada kadar 2.2% (S4 2002: 2.2%). Perbelanjaan kerajaan yang kukuh diimbangi oleh perbelanjaan pengguna yang perlahan. Berdasarkan kepada arah aliran terkini, prospek pertumbuhan adalah sederhana kerana peningkatan dalam pelaburan perniagaan dan perbelanjaan kerajaan akan diimbangi oleh kemerosotan dalam perbelanjaan pengguna berikutan cukai pendapatan dan kerajaan tempatan yang lebih tinggi. KDNK benar di **Jerman** juga kekal stabil pada kadar 0.5% pada suku pertama apabila kejatuhan eksport bersih memberi tekanan ke atas pemulihan permintaan dalam negeri yang lebih menyeluruh. Walaupun peningkatan pesanan dalam negeri yang dilaporkan pada bulan Mac menunjukkan jangkaan optimis bahawa aktiviti ekonomi akan terus berkembang, keyakinan pengguna dan perniagaan yang terus lemah berikutan kadar pengangguran yang meningkat dan kemerosotan keuntungan korporat mungkin menjejaskan

prospek pertumbuhan. Prospek pertumbuhan Jerman telah diturunkan kepada 0.5% bagi tahun 2003 (daripada 0.8%) memandangkan pengukuhan nilai mata wang euro juga berkemungkinan memberi kesan kepada pertumbuhan eksport. Ekonomi **Jepun** kekal lembap pada suku pertama. Peningkatan dalam pelaburan dan perbelanjaan pengguna pada suku tersebut tidak dapat mengimbangi kemerosotan dalam pertumbuhan eksport. Prospek pertumbuhan bagi tempoh terdekat menunjukkan keadaan pasaran pekerja yang terus merosot dan kejatuhan dalam eksport.


Ekonomi Serantau: Pertumbuhan kekal mapan walaupun keadaan ketidaktentuan semakin meningkat

Di negara-negara serantau, **pertumbuhan ekonomi** bertambah kukuh pada suku pertama tahun 2003. Secara keseluruhan, pertumbuhan serantau kekal mapan walaupun terjejas oleh keadaan tidak menentu yang berterusan berikutan ketegangan geopolitik dan kesan wabak SARS ke atas sentimen pengguna dan perniagaan pada akhir suku pertama. Pertumbuhan terus disokong oleh eksport dan pemintaan dalam negeri yang kukuh. Kesemua negara serantau kecuali Filipina mencatatkan pertumbuhan dua angka dalam eksport. Dalam keadaan risiko geopolitik di Timur Tengah, peningkatan perdagangan intraserantau, terutamanya elektronik dan keluaran kimia memberi rangsangan kepada pertumbuhan eksport.

Pertumbuhan KDNK benar di **Republik Rakyat China** (P.R. China) berkembang pada tahap yang memberangsangkan sebanyak 9.9%, iaitu kadar tertinggi yang dicatat dalam tempoh enam tahun. Pertumbuhan KDNK benar dijana terutamanya oleh pertumbuhan eksport yang kukuh, keadaan permintaan dalam negeri yang memberangsangkan, perbelanjaan pelaburan aset tetap yang didorong oleh rangsangan kerajaan yang berterusan dan peningkatan dalam pelaburan langsung asing. Di Hong Kong China, ekonomi berkembang sebanyak 4.5% disebabkan terutamanya oleh perdagangan intra serantau yang mapan, khususnya dengan Republik Rakyat China dan China Taipei. Di **Korea**, pertumbuhan menyederhana kepada 3.7% berikutan permintaan dalam negeri yang lemah akibat kebimbangan terhadap ketidaktentuan geopolitik. Ekonomi **China Taipei** terus berkembang tetapi pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.2%, disokong oleh pengembangan eksport yang lebih daripada mengimbangi keadaan permintaan dalam negeri yang lemah.

Pada suku pertama, pertumbuhan ekonomi **Singapura** sebanyak 1.6% adalah disebabkan oleh perkembangan dalam sektor perkilangan, borong dan perdagangan runcit serta pengangkutan dan komunikasi. Di **Indonesia**, KDNK benar meningkat sebanyak 3.4%, disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dengan penggunaan kerajaan mencatat peningkatan yang paling tinggi. Pertumbuhan adalah menyeluruh dengan kesemua sektor mencatat peningkatan.

Negara-negara Serantau : Pertumbuhan KDNK Benar



Di Filipina, pertumbuhan KDNK benar sebanyak 4.5% adalah disebabkan oleh pengembangan yang menyeluruh, terutamanya di sektor perkhidmatan.


Berikutan kesan wabak SARS ke atas sektor perjalanan, pelancongan dan sektor-sektor berkaitan, kerajaan di negara-negara serantau telah mengumumkan pelbagai pakej bantuan ekonomi untuk mengurangkan kesan wabak tersebut ke atas ekonomi serantau.


Pakej Bantuan Ekonomi Untuk Mengurangkan Kesan Wabak SARS

Singapura	17 April: Pakej bantuan bernilai S$230 juta (AS$129.3 juta) (0.2% daripada KDNK) untuk menyediakan bantuan segera kepada sektor-sektor yang terjejas secara langsung dan paling serius, terutamanya sektor pelancongan dan sektor berkaitan pengangkutan. Peruntukan/konsesi kepada pelancongan dan sektor berkaitan pengangkutan merangkumi 67% dan 32% daripada pakej ekonomi tersebut. Langkah-langkah utama termasuk rebat/pemotongan cukai, subsidi kadar faedah dan perbelanjaan untuk geran latihan dan rebat/penepian yuran.
Republik Rakyat China	20 April – 12 Mei: Dana berjumlah 6.3 bilion yuan (AS$763 juta) adalah ditujukan untuk pembaikan infrastruktur kesihatan awam, terutamanya di kawasan yang terjejas dengan SARS. Langkah-langkah lain yang diambil oleh kerajaan-kerajaan pusat dan tempatan termasuk pengecualian/pengurangan beberapa jenis kadar cukai dan bayaran pentadbiran kepada industri-industri yang terjejas dengan SARS. Pemotongan cukai di Guangdong, berjumlah 900 juta yuan (AS$109 juta) dijangka akan memberi kesan pada bulan Ogos 2003.
Hong Kong China	23 April: Satu pakej ekonomi sebanyak HK$11.8 bilion (AS$1.5 bilion) (1% daripada KDNK) akan dibiayai dengan rizab fiskal Hong Kong (kini berjumlah lebih daripada HK$320 bilion). Langkah-langkah utama termasuk jaminan kerajaan untuk pinjaman, pengecualian bayaran utiliti dan yuran lesen, pemotongan sewa untuk perumahan awam, rebat kepada pembayar cukai, penyediaan pekerjaan sementara dan peruntukan untuk penyelidikan perubatan dan kempen-kempen publisiti.
ASEAN - China	29 April: ASEAN dan China telah menubuhkan sebuah dana khas di mesyuarat di Bangkok. Dana untuk penyelidikan SARS dan pendidikan telah dilancarkan dengan jaminan sebanyak 10 juta baht (AS$0.23 juta) oleh Negeri Thai, 10 juta yuan (AS$1.2 juta) dari China dan AS$0.1 juta dari Cambodia.
China Taipei	2 Mei: Satu dana khas sebanyak T$50 bilion (AS$1.4 bilion) telah diluluskan bagi membantu industri-industri yang terjejas oleh wabak SARS.
Malaysia	21 Mei: Pakej ekonomi sebanyak RM7.3 bilion (AS$1.9 bilion) (1.9% daripada KDNK) yang memberi tumpuan kepada 90 langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan swasta, meneguhkan daya saing, menjana sumber pertumbuhan yang baru, mengukuhkan sistem penghantaran dalam sektor-sektor kerajaan dan swasta dan mengurangkan kesan wabak SARS. Pakej ini dijangka akan membolehkan ekonomi mencatatkan kadar pertumbuhan melebihi 4.2% yang telah dicapai pada tahun 2002. Langkah utama termasuk pengurangan kadar campur tangan bank pusat, pengurangan kadar caruman pekerja untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, peruntukan untuk elaun perubatan, skim kredit mikro, pengecualian/pengurangan cukai, kemudahan jaminan bantuan, diskaun dalam pembayaran bil, pemanjangan tempoh status pelopor dan elaun pelaburan cukai, kelonggaran dalam pemilikan ekuiti asing, dana bagi latihan dan subsidi ke atas pembayaran faedah pinjaman perumahan.

Sepanjang suku pertama, keadaan **inflasi di negara-negara serantau** kekal sederhana walaupun terdapat peningkatan harga di Korea, Filipina dan Negeri Thai, terutamanya bagi tenaga dan keluaran makanan. Sebaliknya, keadaan rupiah yang lebih kukuh di Indonesia dan harga makanan yang lebih rendah menyebabkan harga pengguna semakin menyederhana. Sementara itu, tekanan deflasi di Ekonomi Perindustrian Baru (NIEs) (tidak termasuk Korea) dan China menunjukkan tanda-tanda yang semakin reda. Di Republik Rakyat China terutamanya, harga pengguna bertukar arah dengan mencatat peningkatan positif buat kali pertama semenjak suku ketiga tahun 2001, terutamanya kesan pelonggaran dasar fiskal dan monetari oleh kerajaan.

Negara-Negara Serantau: Arah Aliran Inflasi






Dasar Monetari Ekonomi Antarabangsa

Dalam keadaan prospek pertumbuhan ekonomi global yang lembap dan risiko kadar inflasi yang rendah, beberapa bank pusat di negara perindustrian utama telah menurunkan kadar faedah dasar semenjak beberapa bulan kebelakangan ini. Pada bulan Februari 2003, *Bank of England (BoE)* mengurangkan kadar pinjaman dasar sebanyak 25 mata asas kerana bimbang prospek ekonomi global berkemungkinan lemah sementara asas permintaan domestik lebih lemah daripada yang dijangkakan. Seterusnya, pada bulan Mei 2003, *European Central Bank (ECB)* menurunkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas ke tahap 2.5% berikutan jangkaan prospek yang kurang optimistik terhadap pertumbuhan ekonomi di kawasan euro. Walaupun kadar faedah dasar dikekalkan di mesyuarat dasar *Federal Reserve Board* AS yang diadakan pada 6 Mei, kebimbangan tentang keadaan disinflasi yang meningkat mungkin membawa implikasi kepada langkah-langkah dasar monetari pada masa hadapan.

Pada suku pertama, **kadar faedah jangka pendek** kekal rendah di **negara-negara serantau** kecuali di Indonesia dan Filipina, mencerminkan suasana kadar faedah antarabangsa yang rendah dan keadaan lebihan mudah tunai di pasaran kewangan dalam negeri. Namun, di Indonesia, arah aliran penurunan

Negara-negara Perindustrian Utama: Pergerakan Kadar Faedah



kadar faedah 3-bulan sejak suku pertama 2002 berterusan sehingga suku pertama 2003, disebabkan oleh penurunan kadar faedah dasar pada bulan November 2002.


Pada bulan April, pergerakan kadar faedah jangka pendek adalah bercampur-campur, dengan Filipina, Korea dan China Taipei mencatat kadar yang rendah, sementara Indonesia, Negeri Thai dan Singapura mencatat kadar yang stabil. Hong Kong China dan Republik Rakyat China masing-masing mencatat peningkatan dalam kadar faedah.

Berikutan penurunan kadar campur tangan semalaman rupiah sebanyak 25 mata asas masing-masing pada 1 dan 9 Mei, bank pusat Indonesia telah menurunkan kadar campur tangan rupiah kepada 10.5% pada 29 Mei, dan seterusnya sebanyak 25 mata asas lagi kepada 10.25% pada 5 Jun. Sejajar dengan teras pelonggaran monetari secara progresif dan memandangkan tekanan inflasi yang semakin berkurang, kadar faedah telah diturunkan secara beransur-ansur daripada kadar tertinggi sebanyak 15.1% pada pertengahan tahun 2002. Penurunan kadar faedah tersebut bertujuan untuk merangsang permintaan dalam negeri, mengurangkan perbezaan kadar faedah dan mengurangkan kos khidmat hutang yang tinggi. Terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kadar faedah berkemungkinan jatuh di bawah 10% pada tahun ini, memandangkan keadaan mudah tunai yang berlebihan dalam sistem perbankan. Pada 13 Mei, bank pusat di Korea telah menurunkan sasaran kadar panggilan semalaman sebanyak 25 mata asas kepada 4%, disebabkan oleh penyusutan pengeluaran dan pengumpulan inventori berikutan permintaan dalam negeri yang lemah. Kemunculan sentimen negatif juga berpunca daripada program nuklear di Korea Utara dan wabak SARS di rantau Asia.

Perkembangan Kadar Pertukaran Mata wang

Dolar Amerika Syarikat menunjukkan arah aliran bercampur-campur berbanding mata wang utama yang lain pada suku pertama tahun 2003. Dolar AS menyusut nilai berbanding mata wang euro sebanyak 5.6%, tetapi mengukuh sedikit berbanding paun sterling dan yen Jepun, masing-masing sebanyak 0.8% dan 0.9%. Kenaikan dalam mata wang euro didorong oleh perbezaan kadar hasil berbanding aset dolar dan yen dan juga jangkaan pasaran terhadap pengukuhan nilai euro yang berterusan. Penyusutan nilai dolar yang terhenti semasa peperangan di Iraq hanya berlaku untuk tempoh yang singkat dan euro meneruskan aliran menaik apabila berakhirnya konflik di Iraq pada bulan April. Mata wang Euro melepasi tahap E1 =AS$1.17 pada 19 Mei 2003, iaitu menghampiri tahap permulaannya pada bulan Januari 1999 sebanyak E1=AS$1.1747 dan mencerminkan pengukuhan nilai sebanyak 12% sehingga kini. Persepsi pasaran bahawa pihak berkuasa AS telah mengubah dasarnya daripada dolar yang kukuh terus mendorong kenaikan nilai euro. Setakat ini aliran dana kebanyakannya adalah dari Jepun ke kawasan euro

Pergerakan Dalam Mata Wang Utama




Volatiliti Mata Wang G-3

Bagi menganalisis volatiliti relatif bagi mata wang G-3, satu perbandingan di buat antara kadar pertukaran dua-hala bagi tiga mata wang iaitu dolar AS, euro dan yen. Dengan menggunakan koefisien variasi untuk kadar pertukaran G-3 bagi tempoh 1 Januari 2002 hingga 23 Mei 2003 (yang secara kasarnya bersamaan dengan kelemahan dolar AS bagi tempoh kebelakangan ini), secara puratanya, pasangan mata wang yang melibatkan dolar AS adalah lebih volatil berbanding pasangan mata wang yang melibatkan euro. Walau bagaimanapun, apabila tempoh kajian diperluaskan bermula dari tarikh pelancaran euro pada Januari 1999, pasangan mata wang yang melibatkan euro secara puratanya adalah lebih volatil berbanding pasangan mata wang yang melibatkan dolar AS.

Koefisien Variasi Bergerak 3-Bulan bagi Mata Wang G-3

(1 Jan. 1999 - 23 Mei 2003)





sehingga menyebabkan penyusutan nilai yang ketara dalam kadar pertukaran mata wang silang euro-yen. Berbanding dolar AS, yen belum menunjukkan pengukuhan nilai yang sepadan kerana penunjuk-penunjuk pasaran dan kenyataan pihak berkuasa memberi maksud bahawa campur tangan telahpun dilaksanakan bertujuan untuk mencegah kenaikan yang besar dalam mata wang tersebut.

Pada suku pertama, mata wang serantau ditutup bercampur-campur berbanding mata wang dolar AS. Arah aliran menurun won Korea, dolar Singapura dan dolar New Taiwan adalah berpunca daripada sentimen pelabur yang lemah, berikutan kebimbangan peperangan di Iraq dan wabak SARS pada akhir suku pertama. Sebaliknya, pengukuhan baht Negeri Thai, rupiah Indonesia dan peso Filipina disokong terutamanya oleh perkembangan dalam negeri yang positif.

Pada bulan April, mata wang serantau menunjukkan arah aliran bercampur-campur berbanding dollar AS. Sementara sentimen positif won Korea adalah disebabkan oleh penurunan harga minyak antarabangsa, rupiah Indonesia mengukuh disebabkan oleh data ekonomi yang menggalakkan dan aliran masuk dana untuk aset dalam negeri. Sebaliknya, baht Thai, dolar New Taiwan dan dolar Singapura menyusut disebabkan oleh kebimbangan mengenai kesan negatif wabak SARS ke atas ekonomi serantau.

Pergerakan Mata Wang Serantau





PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA


Permintaan dalam negeri kekal mapan pada suku pertama tahun 2003

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)


	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	0.0	6.6	4.2	5.4
Penggunaan	4.6	5.1	6.2	6.2
Sektor swasta	*3.3*	*4.6*	*4.4*	*4.2*
Sektor awam	*11.4*	*6.5*	*12.2*	*15.6*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	-8.5	10.0	0.3	3.8
Eksport Barangan & Perkhidmatan	-6.5	7.2	3.6	1.9
Import Barangan & Perkhidmatan	-4.8	8.1	6.2	1.7
KDNK	**1.3**	**5.4**	**4.1**	**4.0**

Pertumbuhan KDNK pada suku pertama terus disokong terutamanya oleh pengembangan permintaan agregat dalam negeri yang kukuh. Pertumbuhan penggunaan kekal pada tahap 6.2% sementara pembentukan modal tetap kasar meningkat 3.8%. **Penggunaan awam** yang disokong oleh perbelanjaan sektor awam yang lebih kukuh meningkat 15.6% disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, **penggunaan swasta** terus kukuh, disokong oleh kadar inflasi yang rendah, pasaran kerja yang stabil dan harga komoditi yang lebih tinggi. Di samping itu, pelbagai promosi oleh peruncit di seluruh negara turut menggalakkan perbelanjaan pengguna. Ini dicerminkan oleh penunjuk penggunaan yang utama seperti import barangan penggunaan, pinjaman yang dikeluarkan untuk pembelian barangan penggunaan dan perkhidmatan serta perbelanjaan pengguna melalui kad kredit. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) kekal melebihi paras ambang 100-mata pada suku pertama, menunjukkan sentimen pengguna secara keseluruhannya adalah positif terhadap prospek ekonomi dalam negeri. Secara khususnya, kajian menunjukkan bahawa permintaan bagi rumah kediaman untuk beberapa bulan yang akan datang kekal menggalakkan berikutan kesempatan yang diambil pengguna daripada kadar faedah yang rendah.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah lebih tinggi



Pengguna, secara amnya adalah optimistik sementara keyakinan perniagaan kekal kukuh



Pertumbuhan **pembentukan modal tetap kasar** terus positif pada suku pertama tahun 2003 (3.8%, S4 2002: 10%) disebabkan terutamanya oleh pelaburan sektor awam yang lebih tinggi. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan ke atas pendidikan, kesihatan dan pembangunan infrastruktur meningkat pada suku tersebut. Sementara itu, Indeks Keadaan Perniagaan suku pertama daripada MIER adalah lebih tinggi sebanyak 13.2 mata berbanding suku keempat tahun 2002 (99.3 mata, S4 2002: 86.1 mata), menunjukkan keputusan yang lebih baik bagi kebanyakan komponen yang membentuk indeks tersebut, termasuk pengeluaran, tempahan dalam negeri, pelaburan dalam loji dan kelengkapan, pengeluaran yang dijangka, tempahan eksport dan jualan eksport yang dijangka. Di samping itu, pertumbuhan positif jualan kenderaan perdagangan dan pinjaman yang dikeluarkan bagi sektor perkilangan juga menunjukkan aktiviti pelaburan yang berterusan pada suku tersebut.

Perkembangan mengikut Sektor

Pertumbuhan yang mapan di sektor perkilangan

Nilai ditambah sektor perkilangan meningkat sebanyak 5.2% berbanding dengan kemerosotan pada suku pertama tahun 2002 (S4 2002: 5.7%). Peningkatan tersebut disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam industri berorientasikan dalam negeri dan pengembangan yang berterusan dalam industri berorientasikan eksport. Hasilnya, kadar penggunaan kapasiti keseluruhan di sektor perkilangan kekal tinggi pada paras 82% (S4 2002: 83%) dengan industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada paras 83% dan 80% (S4 2002: masing-masing sebanyak 85% dan 79%). Sementara pertumbuhan pengeluaran kekal kukuh, eksport barangan perkilangan menyederhana kepada 1.7% (S4 2002: 5.2%) disebabkan terutamanya oleh eksport yang lebih rendah bagi peralatan elektronik dan bahagiannya serta barangan elektrik. Walau bagaimanapun, ini diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan eksport yang lebih kukuh bagi keluaran kimia, keluaran petroleum, tekstil, keluaran perkilangan logam, peralatan optikal dan saintifik dan keluaran makanan. Prestasi eksport perkilangan yang lebih lemah juga disebabkan oleh harga eksport yang terus merosot, manakala jumlah eksport meningkat pada kadar yang secara relatifnya stabil.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	% Perubahan Tahunan			
Nilai ditambah (harga malar)	**-2.3**	**5.7**	**4.0**	**5.2**
Pengeluaran Keseluruhan	**-3.4**	**6.7**	**4.5**	**6.3**[2/]
Industri berorientasikan eksport *antaranya:*	**-5.5**	**8.9**	**5.0**	**7.0**
- Elektronik	-0.8	12.5	13.4	8.1
- Barangan elektrik	-9.3	-4.2	-5.1	-5.5
- Tekstil & pakaian	-14.9	4.4	-6.2	-0.6
- Bahan kimia dan keluaran kimia	-8.8	13.1	2.7	14.2
- Pemprosesan luar estet	1.0	12.0	7.1	4.4
- Keluaran getah	-4.5	5.5	2.0	9.1
- Kayu dan keluaran kayu [1/]	-15.4	1.0	-6.0	3.5
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**3.5**	**0.6**	**3.4**	**4.6**
antaranya:				
- Kelengkapan pengangkutan	18.0	-7.9	6.2	-6.3
- Keluaran logam yang direka	-4.9	-1.9	0.8	1.3
- Besi & keluli dan logam bukan ferum	-3.3	4.7	2.4	12.8
- Keluaran galian bukan logam	8.0	1.3	5.1	8.1
- Keluaran petroleum	3.4	-6.0	-4.1	1.9
- Makanan	12.4	10.3	8.7	3.2
Jumlah Eksport Perkilangan	**-4.0**	**5.2**	**4.8**	**1.7**
- Elektronik	1.1	4.6	10.6	-6.1
Separa konduktor	-13.2	36.7	19.9	27.1
Komponen elektronik	13.8	-18.0	3.5	-28.6
- Barangan elektrik	-13.9	-8.5	-9.8	-6.5
Barangan elektrik pengguna	-11.7	-9.5	-10.6	-11.8
Barangan elektrik industri & komersial	-18.8	-20.5	-17.0	-12.5
Jentera & kelengkapan barangan elektrik industri	-10.4	11.9	2.3	4.0
Perkakas elektrik isi rumah	7.0	81.8	26.1	78.3
- Keluaran kayu	-12.6	19.2	4.9	13.2
- Barangan perabot	3.2	7.5	7.7	8.8
- Tekstil, pakaian & kasut	-17.0	5.3	-5.2	8.3
- Peralatan optikal & saintifik	5.6	4.8	4.6	19.2
- Bahan kimia dan keluaran kimia	-6.1	34.6	16.2	33.5
- Keluaran petroleum	-35.6	29.7	-9.0	67.3


[1/] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu
[2/] Indeks Pengeluaran Perkilangan bagi S1 2003 telah disemak semula kepada 7.6%

Pertumbuhan pengeluaran dalam **industri berorientasikan eksport** dipacu terutamanya oleh perkembangan yang kukuh dalam industri kimia dan separa konduktor. Pengeluaran dan eksport bahan kimia dan keluaran kimia khususnya, meningkat dengan kukuh, didorong oleh pengembangan dalam sektor elektronik dan permintaan luar negeri bagi bahan kimia organik dan plastik yang lebih tinggi, terutamanya dari rantau Asia Pasifik. Pertumbuhan ini juga disokong

oleh pengembangan yang kukuh dalam pengeluaran industri barangan farmasi, berikutan permintaan yang lebih tinggi dari Singapura dan pasaran dalam negeri. Industri separa konduktor juga terus menunjukkan prestasi yang baik. Pengeluaran dipacu terutamanya oleh permintaan global yang kukuh, khususnya dari Asia dan Eropah. Pertumbuhan didorong oleh sektor barangan tanpa wayar dan sebahagian yang lain oleh sektor pengguna (contohnya, DVD, kamera digital dan permainan video). Hasilnya, segmen separa konduktor terus mencatat pertumbuhan yang kukuh sejajar dengan arah aliran di negara-negara serantau yang lain.

Walau bagaimanapun, eksport keseluruhan barangan elektronik sebagai satu kumpulan merosot kerana kesan positif daripada segmen separa konduktor diimbangi oleh eksport yang lebih rendah bagi komputer dan peralatannya berikutan persaingan yang hebat dari negara-negara pengeluar yang berkos lebih rendah. Begitu juga, pengeluaran dan eksport keluaran elektrik seperti alat pandang dengar dan penyaman udara terjejas akibat persaingan yang hebat dari negara-negara tersebut yang menyebabkan harga keluaran elektronik dan elektrik merosot. Dalam industri berorientasikan eksport, pertumbuhan juga disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi keluaran getah akibat kenaikan permintaan untuk sarung tangan getah dari Timur Tengah berikutan tercetusnya peperangan di Iraq.

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan




Pertumbuhan dalam **industri berorientasikan dalam negeri** bertambah kukuh disebabkan oleh pengembangan yang lebih pesat dalam pengeluaran industri besi dan keluli berikutan permintaan dalam dan luar negeri yang lebih tinggi. Eksport besi dan keluli menjadi kukuh disebabkan oleh harga yang lebih tinggi di pasaran eksport. Pertumbuhan dalam industri kertas dan keluaran kertas juga berkembang pada suku pertama disebabkan oleh peningkatan permintaan luar negeri bagi kertas dan kertas tebal. Sementara itu, pengeluaran kelengkapan pengangkutan kekal lemah berikutan permintaan yang lembap bagi kereta penumpang serta peningkatan inventori daripada tahun sebelumnya.

Sektor perkhidmatan disokong oleh permintaan dalam negeri dan aktiviti berkaitan perdagangan

Sektor perkhidmatan terus berkembang sebanyak 4% pada suku pertama 2003 (S4 2002: 4.6%). Memandangkan wabak SARS hanya berlaku pada akhir suku pertama, kesannya tidak dirasai pada suku tersebut. Permintaan dalam negeri dan pertumbuhan yang kukuh dalam aktiviti berkaitan perdagangan, sejajar dengan perkembangan eksport terus mendorong pertumbuhan di sektor perkhidmatan.

Sektor perkhidmatan disokong oleh permintaan dalam negeri dan perkhidmatan berkaitan perdagangan



Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan dalam %			
Perkhidmatan Pengantara	**6.0**	**3.8**	**4.3**	**3.7**
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	2.0	3.3	2.6	4.2
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	8.4	4.0	5.3	3.5
Perkhidmatan akhir	**3.6**	**5.2**	**4.1**	**4.1**
Elektrik, gas dan air	4.0	4.3	3.9	6.2
Perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	1.9	2.6	2.6	3.6
Perkhidmatan Kerajaan	7.0	9.3	6.7	1.8
Perkhidmatan lain	3.6	6.9	4.6	6.2
Jumlah Perkhidmatan	**4.5**	**4.6**	**4.1**	**4.0**

Ketibaan pelancong kekal tinggi pada dua bulan pertama tahun 2003 walaupun ketegangan geopolitik yang berterusan. Ketibaan pelancong hanya merosot pada akhir bulan Mac ke bulan April apabila pengembara menjadi lebih berwaspada berikutan nasihat rasmi perjalanan yang dikeluarkan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) pada pertengahan bulan Mac bagi beberapa negara di rantau ini dan Kanada. Walaupun kemasukan pelancong adalah lebih rendah, subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri. Begitu juga dengan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi yang bertambah kukuh disebabkan oleh pengembangan yang pesat dalam industri telekomunikasi terutamanya dalam segmen telefon mudah alih, disokong oleh pertumbuhan yang menggalakkan dalam aplikasi data mudah alih. Pertumbuhan industri telekomunikasi diperkukuhkan lagi oleh peningkatan yang berterusan dalam segmen Internet berikutan bertambahnya langganan terhadap perkhidmatan tersebut. Di sektor pengangkutan, aktiviti pelabuhan yang kukuh, termasuk peningkatan dalam pemunggahan kargo di pelabuhan-pelabuhan utama mengimbangi sebahagian daripada kesan kemerosotan dalam perjalanan udara.

Di subsektor kewangan, margin kadar faedah yang menguncup ketika persaingan hebat yang berterusan bagi berian pinjaman dapat dilihat menerusi pertumbuhan yang lebih sederhana di subsektor tersebut. Sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan secara keseluruhan terus menerima sokongan daripada industri insurans yang mencatat pertumbuhan dua angka bagi pungutan premium insurans. Pertumbuhan subsektor utiliti meningkat pada suku pertama mencerminkan permintaan elektrik yang kukuh daripada sektor industri, perdagangan dan isi rumah.

Aktiviti pembinaan lebih pesat disokong oleh projek awam

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan sebanyak 1.2% pada suku pertama tahun 2003 (S4 2002: 0.5%) disokong oleh aktiviti pembinaan projek sektor awam yang lebih pesat termasuk pembinaan jalan raya, sekolah, perumahan awam dan kemudahan-kemudahan kesihatan. Aktiviti pembinaan di subsektor kediaman terus mapan berikutan lebih banyak pelancaran projek perumahan baru pada tahun 2002. Aktiviti di subsektor bukan kediaman terus lembap disebabkan oleh lebihan penawaran bagi ruang pejabat dan runcit. Pinjaman yang dikeluarkan untuk pembelian harta tanah kediaman meningkat sebanyak 4.6% pada suku pertama tahun 2003 (2002: 4.2%) berikutan langkah pembeli mengambil kesempatan daripada kos pembiayaan yang rendah.

Sungguhpun kedatangan semula pekerja asing telah menggiatkan lagi aktiviti pembinaan pada suku pertama, pertumbuhan terjejas oleh penangguhan beberapa projek akibat kekurangan sementara bahan binaan seperti batang keluli. Kekurangan bekalan bahan tersebut timbul berikutan pengumuman bahawa kawalan ke atas harga batang keluli dan simen akan dilonggarkan. Walau bagaimanapun, pengeluaran besi

dan keluli dalam negeri kekal kukuh pada suku pertama dengan pengeluaran bahan tersebut meningkat sebanyak 12.4%. Masalah kekurangan bahan binaan tersebut semakin pulih berikutan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki kecekapan saluran pengedaran.

Penunjuk Pembinaan

Penunjuk	2002		2003
	S1	S4	S1
Permit penjualan dan iklan baru (bilangan)	274	242	207
(perubahan tahunan, %)	20.2	-11.4	-24.5
Kelulusan perumahan (bilangan)	48,895	45,610	33,899
(perubahan tahunan, %)	11.4	-32.3	-30.7
Pengeluaran barangan berkaitan pembinaan (perubahan tahunan,%)	2.6	2.8	10.2[1/]
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan (perubahan tahunan, %)	-10.2	69.6	19.4
Import barangan pembinaan dan barangan galian (perubahan tahunan, %)	-5.8	9.9	3.6

[1/] Pengeluaran barangan berkaitan pembinaan bagi S1 2003 telah disemak semula kepada 13%
Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pertanian terus mencatat prestasi yang baik

Sektor pertanian meningkat sebanyak 3.6% (S4 2002: 5.5%) walaupun pengeluaran minyak sawit mentah hanya meningkat sedikit (0.5%; 1.6% pada S4 2002). Pertumbuhan sektor pertanian disokong terutamanya oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi komoditi utama yang lain seperti getah, kayu balak dan koko serta beberapa tanaman lain di subsektor pertanian yang lain. Harga komoditi yang kekal di paras yang menggalakkan serta permintaan luar negeri yang kukuh mendorong peningkatan pengeluaran bagi kumpulan komoditi tersebut. Pada suku pertama, harga beberapa komoditi utama seperti minyak sawit mentah, getah dan koko menjadi lebih kukuh dengan masing-masing mencatat kenaikan sebanyak 37.7%, 51.3% dan 55.5% masing-masing kepada RM1,585 setiap tan, 364 sen setiap kilogram dan RM6,980 setiap tan. Harga

Prestasi Sektor Pertanian

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**-3.6**	**5.5**	**3.0**	**3.6**
Pengeluaran [1/]				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	-8.4	1.6	0.9	0.5
Minyak isirung sawit mentah	-4.8	0.9	-3.9	-5.2
Getah	1.2	17.8	7.7	16.6
Kayu balak	-7.5	18.5	4.2	0.1
Koko	-37.2	35.2	-17.4	79.4
Eksport (RM juta)	**7.0**	**49.3**	**31.9**	**41.8**
Antaranya:				
Minyak sawit				
('000 tan metrik)	-11.8	12.1	3.8	9.3
(RM/tan metrik)	41.0	46.9	44.7	41.4
(RM juta)	24.4	64.7	50.2	54.6
Minyak isirung sawit				
('000 tan metrik)	54.1	15.1	5.9	-33.9
(RM/tan metrik)	1.4	38.9	25.6	51.0
(RM juta)	56.3	59.8	33.0	-0.2
Getah				
('000 tan metrik)	-10.5	8.2	12.9	13.4
(Sen/kg)	-11.6	55.1	17.0	57.6
(RM juta)	-21.0	67.9	32.1	78.7
Kayu balak				
('000 meter padu)	-7.5	12.9	0.8	19.5
(RM/meter padu)	-10.2	31.8	16.6	18.9
(RM juta)	-17.0	48.8	17.5	42.1
Biji Koko				
('000 tan metrik)	21.3	71.2	29.6	51.7
(RM/tan metrik)	37.0	70.3	49.5	62.9
(RM juta)	66.1	191.5	93.7	147.2

[1/] Dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

yang lebih tinggi dan jumlah eksport komoditi utama yang meningkat bagi minyak sawit, getah, kayu balak dan koko menyumbang kepada peningkatan sebanyak 41.8% dalam hasil eksport sektor pertanian pada suku tersebut.

Pengeluaran **minyak sawit mentah** meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.5% kerana hasil bermusim yang lebih rendah serta aktiviti penanaman semula yang berterusan. Kesan lat daripada keadaan cuaca kering yang berlaku beberapa bulan sebelum ini menjejaskan hasil keluaran dengan kadar purata perahan minyak sawit mentah merosot kepada 19.57%

pada suku pertama (S4 2002: 20.23%). Sementara itu, sejumlah 13,840 hektar kawasan kelapa sawit tua ditebang untuk ditanam semula pada suku pertama. Pengeluaran minyak isirung sawit pula merosot sebanyak 5.2% pada suku tersebut, juga disebabkan oleh hasil yang lebih rendah.

Bagi **getah** pula, walaupun suku pertama biasanya merupakan tempoh pengeluaran bermusim yang rendah disebabkan oleh musim daun luruh, pengeluaran pada suku pertama tahun 2003 melangkaui jangkaan dengan peningkatan sebanyak 16.6%. Peningkatan yang agak ketara ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kegiatan menoreh yang intensif di kalangan pekebun kecil (mencakupi 88% daripada jumlah pengeluaran) memandangkan harga getah terus berada pada paras yang menarik. Harga getah menunjukkan arah aliran yang menaik semenjak tahun 2002 dan mencapai kenaikan tahunan sebanyak 81% pada bulan Mac 2003. Kenaikan harga yang nyata ini didorong terutamanya oleh permintaan global yang memuaskan, termasuk permintaan yang kukuh bagi sarung tangan getah berikutan peperangan di Iraq, sementara bekalan di negara pengeluar utama lain, iaitu Negeri Thai dan Indonesia, adalah terhad. Pertumbuhan sektor pertanian pada suku pertama juga didorong oleh pengeluaran koko yang lebih tinggi. Selain daripada harga koko yang lebih tinggi yang mendorong amalan perkebunan yang lebih baik di kalangan pekebun kecil koko, beberapa program untuk meningkatkan hasil telah meningkatkan pengeluaran komoditi tersebut. Program tersebut termasuklah skim pemulihan tanaman koko pekebun kecil.

Perkembangan seperti peperangan di Iraq dan penularan wabak SARS di negara-negara serantau memberi kesan yang minimum kepada keseluruhan prestasi sektor pertanian. Walaupun peperangan tersebut menjejaskan tempahan dan penghantaran minyak sawit ke Timur Tengah bagi tempoh yang singkat, permintaan luar negeri terhadap minyak sawit secara keseluruhan kekal teguh seperti yang dicerminkan oleh peningkatan yang nyata dalam perolehan eksport komoditi tersebut sebanyak 54.6% pada suku tersebut. Kesan wabak SARS ke atas sektor pertanian juga adalah kecil, dengan hanya menjejaskan eksport sayur-sayuran Malaysia ke Singapura bagi tempoh yang singkat.

Sektor perlombongan kekal kukuh.

Selepas mencatat prestasi yang kukuh pada dua suku terakhir tahun 2002 (pertumbuhan 7-8%), **sektor perlombongan** meningkat sebanyak 3.8% pada suku pertama tahun 2003. Pertumbuhan sektor tersebut disebabkan oleh pengeluaran **gas asli** yang lebih tinggi, iaitu peningkatan sebanyak 5.8%. Pertambahan kapasiti pengeluaran baru berikutan bermulanya operasi beberapa medan gas yang baru semenjak tahun 2002 adalah untuk memenuhi permintaan yang bertambah termasuk dari loji MLNG Tiga yang baru memulakan operasi pada bulan Mac, serta loji penjana tenaga persendirian. Kenaikan dalam pengeluaran gas turut disokong oleh permintaan luar negeri terhadap gas asli cecair (LNG) yang lebih tinggi pada suku pertama. Jepun merupakan negara pembeli terbesar daripada jumlah yang dieksport. Sementara itu, pengeluaran **minyak mentah** (termasuk kondensat) meningkat sebanyak 2.8% kepada 726,630 tong sehari, sejajar dengan kenaikan dalam permintaan dari dalam dan luar negeri. Khususnya, permintaan yang meningkat terhadap minyak mentah oleh loji penapis minyak tempatan sebanyak 3.6%, manakala jumlah eksport meningkat sebanyak 4.2%. Permintaan yang lebih tinggi adalah terutamanya dari negara pembeli di rantau Asia.

Harga minyak mentah Malaysia mendapat manfaat daripada perkembangan di pasaran minyak antarabangsa pada suku pertama dengan harga unit

eksport minyak mentah Malaysia secara purata adalah lebih tinggi pada AS$32.63 bagi setiap tong atau peningkatan tahunan sebanyak 61.3%. Mencerminkan pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam permintaan luar negeri terhadap minyak mentah dan LNG serta sokongan harga yang terus meningkat, eksport galian secara agregat meningkat dengan nyata sebanyak 50.9% pada suku pertama.

Prestasi Sektor Perlombongan


	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**1.4**	**7.1**	**3.7**	**3.8**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	4.0	7.4	4.9	2.8
Gas asli (bersih) (juta kaki padu)	-1.6	9.3	3.5	5.8
Eksport (RM juta)	**-29.4**	**29.3**	**-4.4**	**50.9**
Antaranya:				
Minyak mentah				
('000 tan metrik)	-0.8	5.5	7.4	4.2
(AS$/tong)	-26.1	37.2	-2.9	61.3
(RM juta)	-26.7	44.7	4.3	68.0
Gas asli cecair				
('000 tan metrik)	-3.3	12.9	-2.6	6.9
(RM/tan metrik)	-23.2	6.6	-8.3	28.8
(RM juta)	-25.7	20.4	-10.7	37.8

Inflasi kekal rendah

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal rendah pada tahap 1.4% pada suku pertama tahun 2003 (S1 2002: 1.4%; S4 2003: 1.8%).

Pada suku tersebut, harga makanan adalah lebih tinggi berbanding suku pertama tahun 2002, terutamanya disebabkan oleh harga yang lebih tinggi bagi makanan di rumah. Sebaliknya, harga bagi pengangkutan dan perhubungan, serta minuman dan tembakau, mencatat kenaikan yang lebih perlahan, terutamanya disebabkan berakhirnya kesan kenaikan harga runcit petrol dan cukai jualan ke atas barangan tembakau. Kenaikan harga ini dilaksanakan pada bulan Oktober 2001.

Sumbangan kepada Inflasi




IHP mencatat kenaikan tahunan purata 1.6% pada dua bulan yang pertama tahun 2003 tetapi

pekerja tambahan terlibat dengan tindakan majikan untuk mengurangkan kos menerusi langkah-langkah lain yang lebih sederhana termasuk pemberhentian sementara, pemotongan gaji dan skim pemberhentian secara sukarela. Bilangan pekerja yang terlibat dengan langkah-langkah tersebut juga adalah nyata lebih rendah berbanding suku keempat dan suku pertama tahun 2002, iaitu masing-masing sebanyak 39% dan 46%. Ini kerana kelembapan permintaan dilihat sebagai sesuatu yang bersifat sementara dan mengikut kitaran.

Kesan ketidaktentuan prospek ekonomi dunia terhadap ekonomi dalam negeri dicerminkan menerusi kekosongan jawatan yang dilaporkan (25,052) yang lebih rendah daripada pencari kerja yang berdaftar (36,946). Kesannya, nisbah kekosongan jawatan kepada pencari kerja meningkat daripada masing-masing sebanyak 1:1.3 dan 1:0.6 pada akhir bulan Mac dan Disember 2002 kepada 1:1.5 pada akhir bulan Mac 2003.

Produktiviti pekerja meningkat pada suku pertama. Data daripada Kajiselidik Bulanan untuk Industri Perkilangan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukan produktiviti pekerja seperti yang diukur melalui nilai jualan benar produk setiap pekerja meningkat sebanyak 9.4% (S4 2002: 6.0%). Upah benar bagi setiap pekerja juga meningkat sebanyak 3.1% (S4 2002: 2.0%).

Petunjuk Pasaran Buruh



Kedudukan sektor luar negeri disokong oleh lebihan perdagangan yang kukuh dan rizab yang meningkat

Lebihan perdagangan adalah lebih besar sebanyak RM17.6 bilion pada suku pertama (S42002: RM14.8 bilion). Lebihan ini merupakan lebihan terbesar sejak suku pertama tahun 2000.

Eksport kasar berkembang sebanyak 7.8% disokong oleh eksport barangan perkilangan, pertanian dan galian. Kadar pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih perlahan sebanyak 1.7% disebabkan terutamanya oleh eksport yang lebih rendah bagi kelengkapan elektronik dan bahagiannya serta barangan elektrik ketika persaingan dari negara-negara pengeluar berkos rendah semakin meningkat. Kesannya, jumlah eksport dan harga barangan elektrik merosot. Sementara itu, eksport separa konduktor terus mencatat pertumbuhan yang pesat sejajar dengan arah aliran yang serupa di negara serantau yang lain. Permintaan global bagi separa konduktor kekal kukuh, terutamanya di rantau Asia Pasifik. Eksport barangan perkilangan utama yang lain, iaitu bahan kimia, keluaran petroleum, tekstil, pembuatan logam, peralatan optikal dan saintifik serta keluaran makanan, terus meningkat dengan kukuh. Secara keseluruhan, jumlah eksport perkilangan meningkat sebanyak 7.5%, sementara harga eksport sektor perkilangan merosot sebanyak 3.3% (masing-masing sebanyak 7.5% dan -1.3% pada suku keempat tahun 2002).


Perolehan eksport daripada pertanian meningkat sebanyak 41.8%. Eksport minyak sawit kekal kukuh pada suku pertama, meningkat sebanyak 54.6% disebabkan terutamanya oleh harga dan jumlah eksport yang lebih tinggi. Harga eksport minyak sawit berpurata

Akaun Perdagangan

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan dalam %			
Eksport kasar	**-4.9**	**9.7**	**6.0**	**7.8**
Perkilangan	-4.0	5.2	4.8	1.7
Pertanian	7.0	49.3	31.9	41.8
Galian	-29.4	29.3	-4.4	50.9
Import kasar	**-4.8**	**9.0**	**8.3**	**2.3**
Barangan modal	-9.9	6.6	10.6	-5.0
Barangan pengantara	-5.8	7.0	6.2	2.5
Barangan penggunaan	6.7	22.1	15.9	4.7
Imbangan perdagangan (RM bn)	**12.8**	**14.8**	**51.0**	**17.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Perdagangan




lebih tinggi pada RM1,658 setiap tan ketika penawaran global minyak sayuran menguncup. Secara keseluruhan, jumlah eksport minyak sawit kekal teguh walaupun terdapat sedikit gangguan dalam penghantaran komoditi tersebut ke pasaran Timur Tengah berikutan tercetusnya perang pada akhir bulan Mac. Permintaan terutamanya dari pembeli utama iaitu negara China, Kesatuan Eropah dan India meningkat dengan kukuh antara 17-35%.

Perolehan eksport daripada galian meningkat sebanyak 50.9% disebabkan terutamanya oleh hasil yang lebih tinggi daripada minyak mentah dan gas asli cecair (LNG). Pada suku pertama, harga eksport minyak mentah Malaysia mengukuh kepada AS$32.63 setong (S4 2002: AS$28.03), mencerminkan terutamanya perkembangan di pasaran minyak global. Faktor-faktor pengukuhan ke atas harga minyak termasuklah premium harga ekoran daripada risiko peperangan, inventori yang rendah di Amerika Syarikat dan gangguan penawaran di beberapa buah negara pengeluar utama. Harga eksport LNG juga lebih tinggi pada suku pertama sejajar dengan arah aliran harga minyak. Secara keseluruhan, prestasi eksport galian yang kukuh pada suku pertama didorong oleh kenaikan harga dan jumlah yang dieksport.

Kepelbagaian pasaran eksport bertambah baik sejak suku ketiga tahun 2002. Kepelbagaian pasaran diukur dengan menggunakan indeks Herfindahl-Hirshman yang telah diubahsuai, iaitu nisbah yang menghampiri sifar menggambarkan kepelbagaian yang semakin tinggi. Indeks ini dibentuk untuk merangkumi 32 rakan dagang utama Malaysia yang mencakupi 93% daripada jumlah eksport. Mencerminkan kepelbagaian pasaran eksport yang semakin meningkat, indeks Herfindahl-Hirshman menurun daripada 0.17 pada suku ketiga tahun 2002 kepada 0.14 pada suku pertama tahun 2003.

Eksport ke negara serantau (tidak termasuk Jepun) yang mencakupi 45.4% daripada jumlah eksport dari Malaysia terus meningkat sebanyak 14% (S4 2002: 18.4%). Pertumbuhan ini disokong oleh pertumbuhan eksport yang kukuh dan berterusan ke negara Republik Rakyat China dan Hong Kong China iaitu masing-masing sebanyak 24.3% dan 41.3%. Eksport ke Jepun dan Kesatuan Eropah masing-masing dengan bahagian pasaran sebanyak 11.8% dan 13% mencatat pertumbuhan sebanyak 3.2% dan 7%. Walau bagaimanapun, eksport ke Amerika Syarikat mencatat

Indeks Kepelbagaian



Indeks kepelbagaian eksport / import adalah Indeks Herfindahl-Hirschman yang telah diubahsuai dengan nilai di antara 0 hingga 1. Indeks yang lebih rendah menggambarkan kepelbagaian yang lebih tinggi.

penurunan sebanyak 12.8% menggambarkan eksport barangan elektrikal dan elektronik, khususnya alat ganti dan aksesori komputer, yang rendah. Namun begitu, eksport peralatan optikal dan saintifik, bahan getah dan bahan kimia ke Amerika Syarikat terus meningkat.

Kadar pertukaran efektif benar ringgit Malaysia menurun sejak bulan Jun 2002. Keadaan ini terus memberi sokongan kepada pengembangan eksport seperti yang dicerminkan oleh pertumbuhan kuantiti eksport barangan komoditi dan perkilangan yang kukuh, iaitu masing-masing pada kadar antara 5% sehingga 27% dan 9% sehingga 29%. Kemerosotan dalam kuantiti eksport komoditi pada bulan November 2002 adalah disebabkan terutamanya oleh jumlah pembelian minyak kelapa sawit yang lebih rendah oleh pembeli utama dari Kesatuan Eropah, negara Timur Tengah dan Pakistan yang telah meningkatkan pegangan inventori pada suku sebelumnya. Di samping itu, kuantiti eksport perkilangan menunjukkan pertumbuhan yang perlahan pada bulan Disember 2002 mencerminkan penutupan pelabuhan di pantai barat Amerika Syarikat. Pertumbuhan kuantiti eksport di sektor tersebut seterusnya meningkat pada bulan Januari 2003.

Pada suku pertama, import terus meningkat, walaupun pada kadar yang lebih rendah iaitu sebanyak 2.3%, menggambarkan pertumbuhan import barangan pengantara (2.5%) yang sederhana. Kesederhanaan import barangan tersebut yang mencakupi 72.6%


Malaysia: Destinasi eksport ke negara serantau

	2002		2003	2002		2003	2002		2003
	S1	S4	S1	S1	S4	S1	S1	S4	S1
	RM juta			% bahagian daripada jumlah eksport			Perubahan tahunan dalam %		
Singapura	14,064	15,335	14,766	17.2	16.8	16.7	-4.4	6.3	5.0
Negeri Thai	3,631	3,842	4,066	4.4	4.2	4.6	4.9	35.8	12.0
Indonesia	1,568	1,715	1,836	1.9	1.9	2.1	18.8	5.2	17.1
Filipina	1,241	1,177	1,316	1.5	1.3	1.5	-2.4	-0.1	6.1
Brunei Darussalam	206	238	258	0.3	0.3	0.3	-16.1	-4.9	24.8
Vietnam	492	619	673	0.6	0.7	0.8	9.5	47.0	36.9
Negara ASEAN terpilih	21,202	22,926	22,915	25.9	25.1	25.9	-1.2	10.5	8.1
Republik Rakyat China	4,191	5,633	5,208	5.1	6.2	5.9	24.8	34.4	24.3
Hong Kong China	4,002	6,150	5,657	4.9	6.7	6.4	12.0	56.2	41.3
China Taipei	3,013	3,298	3,251	3.7	3.6	3.7	9.1	-8.4	7.9
Korea Selatan	2,794	3,511	3,105	3.4	3.8	3.5	-12.1	34.8	11.1
Jumlah	**35,202**	**41,518**	**40,136**	**43.0**	**45.4**	**45.4**	**2.5**	**18.4**	**14.0**


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

daripada jumlah import adalah disebabkan oleh kemerosotan import alat ganti dan aksesori barangan modal yang digunakan sebagai input dalam industri elektronik yang berorientasikan eksport.

Kadar Pertukaran Efektif Benar (KPEB) & Kuantiti Eksport



Pertumbuhan import



Perubahan Struktur Import

Bahagian import untuk penggunaan domestik telah meningkat sejak 1998 daripada 14% ke 18.2% daripada jumlah import pada tahun 2002. Import untuk pengeluaran bagi pasaran domestik meningkat 9.7% pada tahun 2002 disokong oleh peningkatan import barangan pengantara, terutamanya alat ganti dan aksesori peralatan pengangkutan serta makanan dan minuman untuk industri. Import barangan pengguna, terutamanya barang tahan lama, menyumbang kepada peningkatan import barangan penggunaan sebanyak 15.9% pada tahun 2002.


Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Domestik

	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
	% bahagian daripada jumlah import							
1 Barangan modal	**3.9**	**7.7**	**3.7**	**2.0**	**1.8**	**2.0**	**2.2**	**2.2**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	3.2	6.1	2.8	1.9	1.6	1.7	1.8	1.8
Peralatan logam	0.2	0.2	0.2	0.2	0.1	0.1	0.1	0.1
Kontena logam	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Alat kelengkapan pertanian (termasuk traktor)	0.1	0.2	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Alat kelengkapan pembinaan dan perlombongan	1.2	2.5	0.9	0.1	0.1	0.2	0.2	0.2
Alat penjana, turbin dan motor elektrik (termasuk transfomer)	1.6	3.0	1.4	1.5	1.3	1.3	1.3	1.3
Peti sejuk	0.1	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Penghawa dingin	0.1	0.1	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Alat kelengkapan pengangkutan untuk industri	0.7	1.6	1.0	0.2	0.2	0.3	0.4	0.4
Kenderaan komersial dan bas	0.7	1.6	1.0	0.1	0.2	0.3	0.4	0.4
Treler dan kontena	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
2 Barangan pengantara	**4.8**	**5.2**	**5.0**	**4.7**	**5.0**	**6.4**	**7.8**	**7.7**
Makanan dan minuman, utama, terutamanya untuk industri	0.7	0.7	0.7	0.8	0.8	0.6	0.7	0.8
Makanan dan minuman diproses, terutamanya untuk industri	0.8	0.8	0.8	1.0	0.8	0.6	0.9	0.9
Bahan api dan pelincir utama	0.3	0.4	0.4	0.5	0.7	1.7	2.3	1.8
Bahan api dan pelincir diproses	1.3	1.5	1.6	1.6	1.6	2.2	1.8	1.9
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	1.7	1.8	1.5	0.9	1.1	1.3	2.0	2.4
3 Barangan penggunaan	**6.2**	**6.4**	**6.3**	**5.6**	**6.0**	**5.5**	**5.9**	**6.3**
Makanan dan minuman utama, terutamanya untuk penggunaan isi rumah	0.8	0.8	0.8	0.8	0.8	0.7	0.9	0.8
Makanan dan minuman diproses, terutamanya untuk penggunaan isi rumah	1.4	1.7	1.7	1.7	1.6	1.4	1.7	1.6
Alat kelengkapan pengangkutan, bukan perindustrian	0.2	0.1	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0	0.1
Barangan pengguna, t.s.t.l	3.8	3.8	3.7	3.1	3.5	3.4	3.3	3.9
Barangan tahan lama	0.9	0.8	0.7	0.4	0.6	0.6	0.6	0.9
Barangan separa tahan lama	1.4	1.4	1.4	1.2	1.3	1.4	1.2	1.4
Barangan tidak tahan lama	1.6	1.5	1.6	1.4	1.6	1.3	1.5	1.6
4 Barangan dua guna	**2.8**	**2.9**	**2.8**	**1.7**	**2.0**	**2.1**	**2.1**	**2.0**
Bahan api dan pelincir diproses, minyak motor	0.6	0.7	0.9	1.0	0.7	0.8	0.9	0.8
Alat kelengkapan pengangkutan untuk kereta bermotor penumpang	2.2	2.2	2.0	0.7	1.3	1.3	1.2	1.2
Jumlah	**17.7**	**22.2**	**17.9**	**14.0**	**14.8**	**16.0**	**18.0**	**18.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan import barangan pengantara berhubung kait secara rapat dengan pertumbuhan indeks pengeluaran perkilangan dan eksport barangan perkilangan. Data bulanan dari tahun 1996 sehingga 2001 menunjukkan import barangan pengantara merupakan penunjuk pelopor kepada eksport barangan perkilangan. Kajian menunjukkan terdapatnya jurang jangka masa sebanyak beberapa bulan di antara pertumbuhan eksport barangan perkilangan dengan pertumbuhan import barangan pengantara. Walau bagaimanapun, sejak suku pertama 2002, kedua-dua parameter tersebut menunjukkan pergerakan yang selari, mencerminkan simpanan inventori yang lebih rendah serta perlaksanaan pengeluaran sesempat masa yang semakin meluas.

Eksport Barangan Perkilangan dan Import Barangan Pengantara



Mencerminkan pertumbuhan penggunaan swasta yang kekal teguh, import bahan utama dan bahan diproses untuk industri makanan dan minuman mencatat peningkatan sebanyak 31.4% pada suku pertama. Import barangan penggunaan meningkat sebanyak 4.7% selaras dengan perbelanjaan swasta yang kekal teguh. Import barangan modal tidak termasuk import 'lumpy' meningkat sebanyak 0.3% menggambarkan pertumbuhan pelaburan yang berterusan.

Ketibaan pelancong kekal tinggi


Ketibaan pelancong kekal tinggi dengan jumlah 2.9 juta orang bagi suku pertama tahun 2003, walaupun risiko keadaan geopolitik meningkat. Purata ketibaan pelancong bulanan kekal pada satu juta orang tetapi berkurangan kepada 0.8 juta orang pada bulan Mac disebabkan terutamanya oleh bermulanya penularan wabak SARS. Kesan wabak SARS ekoran nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh WHO mulai pertengahan Mac, lebih tertumpu kepada ketibaan pelancong dari Singapura dan Hong Kong China.

Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2002		2003	
	S1	S4	S1	
	Perubahan tahunan dalam %			RM juta
BARANGAN MODAL	**-9.9**	**6.6**	**-5.0**	**9,678**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	-11.7	7.5	0.2	9,148
Alat kelengkapan pengangkutan	9.1	-11.7	-49.9	530
BARANGAN PENGANTARA	**-5.8**	**7.0**	**2.5**	**51,354**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	33.8	0.9	31.4	1,550
Bekalan perindustrian, t.s.t.l	-8.3	10.7	7.5	15,686
Bahan api dan pelincir	-4.1	17.4	30.9	3,180
Alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	-7.6	5.3	-2.9	29,399
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	50.5	-6.8	-3.9	1,540
BARANGAN PENGGUNAAN	**6.7**	**22.1**	**4.7**	**4,499**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	3.7	-8.0	0.5	1,762
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	23.9	28.7	110.2	74
Barangan pengguna, t.s.t.l.	8.7	49.1	6.1	2,663
Barangan tahan lama	19.0	154.6	15.3	630
Barangan separa tahan lama	4.8	28.0	-10.2	842
Barangan tidak tahan lama	7.4	23.8	16.2	1,190
BARANGAN DUA GUNA	**-10.3**	**16.2**	**28.8**	**1,784**
LAIN-LAIN	**43.2**	**14.4**	**3.4**	**1,582**
IMPORT TERTANGGUH	**-5.1**	**8.2**	**2.1**	**68,897**
EKSPORT SEMULA	**7.8**	**40.5**	**12.1**	**1,875**
IMPORT KASAR	**-4.8**	**9.0**	**2.3**	**70,772**

Kemerosotan ketibaan pelancong dari Singapura dan Hong Kong China telah diimbangi oleh ketibaan pelancong yang lebih tinggi dari negara-negara lain, termasuk pertumbuhan dua angka bagi pelancong

Ketibaan pelancong bulanan



Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia

Brunei (53.2%), Afrika (45.8%), Thailand (28.9%), Asia Barat (23.5%) dan Amerika Syarikat (10.3%). Bagi tempoh akan datang, langkah-langkah yang diumumkan dalam pakej rangsangan ekonomi pada 21 Mei terus memberi sokongan kepada industri pelancongan untuk menyediakan pakej-pakej menarik bagi menggalakkan kedatangan semula pelancong ke Malaysia.

Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (FDI) dalam bentuk ekuiti langsung dan pinjaman antara syarikat (tidak termasuk keuntungan yang tidak diagihkan) berjumlah RM3.1 bilion pada suku pertama, berbanding dengan aliran masuk kasar pelaburan langsung asing sebanyak RM2.9 bilion pada suku pertama tahun 2002.

Dari segi komposisi, pinjaman antara syarikat mencakupi bahagian yang penting daripada aliran masuk kasar FDI pada suku pertama. Kira-kira 60% daripada jumlah pinjaman diterima daripada syarikat sekutu oleh sebuah syarikat multinasional, melalui operasi pusat perbendaharaannya di Malaysia. Aliran masuk ekuiti langsung terus disalurkan ke sektor perkilangan serta minyak dan gas. Aliran keluar FDI pada suku pertama sebahagian besarnya mencerminkan pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat yang lebih tinggi dan pembayaran bagi pengambilalihan kepentingan asing dalam sektor gas oleh sebuah syarikat tempatan. Pengambil alihan ini adalah berikutan tamatnya perjanjian usaha sama dalam pengeluaran gas asli cecair. Setelah mengambil kira aliran keluar kasar, FDI mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM3.3 bilion. Aliran keluar tersebut adalah terutamanya untuk membiayai perubahan milik kepentingan perniagaan daripada bukan pemastautin kepada pemastautin. Namun begitu, ini tidak memberi kesan kepada aktiviti ekonomi di negara ini.

Peningkatan ketidaktentuan dalam persekitaran luaran menyebabkan pelaburan luar negara oleh syarikat-syarikat Malaysia yang lebih rendah. Pelaburan ini adalah terutamanya dalam sektor minyak dan gas dan pembuatan bahagian komponen komposit bagi industri aero angkasa. Terdapat juga aliran masuk dalam bentuk pembayaran balik pinjaman antara syarikat yang telah diberikan kepada anak-anak syarikat atau syarikat bersekutu di luar negara. Secara keseluruhannya, pelaburan luar negara bersih mencatat aliran keluar yang menurun sebanyak RM1.1 bilion (S4 2002: -RM2.1 bilion). Aliran keluar pelaburan portfolio juga adalah jauh lebih rendah sebanyak RM1.6 bilion pada suku pertama (S4 2002: -RM3.7 bilion).

Hutang luar negara terkawal


Jumlah hutang luar negara Malaysia stabil pada RM186.8 bilion (AS$49.1 bilion) pada akhir bulan Mac 2003, bersamaan dengan 52.9% daripada KNK. **Hutang luar negara jangka sederhana dan panjang**, meningkat sedikit kepada RM155.9 bilion

atau AS$41 bilion (S4 2002: RM154.4 bilion) pada suku pertama, disebabkan terutamanya oleh pengelasan semula satu pinjaman tempatan dalam matawang asing daripada bank-bank di Labuan kepada pinjaman luar negara. Hutang luar negara Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) yang menunjukkan arah aliran menurun sejak suku ketiga 2002, terus mencatat pengambilan yang lebih kecil sebanyak RM413 juta. Satu lagi perkembangan positif pada suku ini adalah penyelesaian penuh beberapa pinjaman besar oleh PABK, mengakibatkan pembayaran balik yang besar sebanyak RM2.5 bilion (S4 2002: RM1.7 bilion). Pengambilan pinjaman luar negeri sebanyak RM2 bilion oleh sektor swasta adalah terutamanya diambil oleh sektor utiliti dan minyak dan gas, manakala sebahagian besar pembayaran balik adalah dibayar oleh syarikat-syarikat beroperasi dalam industri-industri alat elektrik, telekomunikasi dan bahan kimia.

Hutang Luar Negara yang belum dijelaskan

	2002		2003
	S1	S4	S1
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	152.2	154.4	155.9
Sektor awam	94.4	100.6	101.6
Sektor swasta	57.8	53.8	54.3
Hutang jangka pendek	27.3	32.2	30.9
Jumlah hutang luar negara	179.5	186.6	186.8
- bersamaan AS$ bilion	47.2	49.1	49.1

Hutang Luar Negara



Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** adalah lebih rendah pada RM30.9 bilion (AS$8.1 bilion), mencerminkan penurunan dalam kemudahan kredit pusingan sektor swasta bukan bank, terutamanya akibat daripada pembayaran balik kemudahan ini oleh beberapa syarikat utama, khususnya daripada sektor minyak dan gas. Pada akhir bulan Mac, hutang jangka pendek mencakupi hanya 16.5% daripada jumlah hutang luar negeri, iaitu antara yang terendah di rantau ini, dan kira-kira 23.3% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab meningkat lagi

Arah aliran yang meningkat bagi rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berterusan pada suku pertama. Pada 31 Mac 2003, rizab antarabangsa bersih berjumlah RM132.6 bilion atau AS$34.9 bilion, kenaikan sebanyak RM1.2 bilion atau AS$0.3 bilion sejak akhir tahun 2002. Peningkatan rizab adalah disebabkan terutamanya oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang berterusan dan sebahagiannya, aliran masuk perolehan pelaburan yang stabil. Paras rizab turut mengambil kira keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasi berikutan pelarasan suku tahunan yang berjumlah AS$211 juta, sebahagian besar akibat kenaikan nilai euro berbanding dolar AS pada suku pertama. Rizab antarabangsa meningkat lagi sebanyak RM7.1 bilion atau AS$1.9 bilion dari bulan April hingga separuh pertama bulan Jun kepada RM139.7 bilion atau AS$36.8 pada 13 Jun 2003. Paras rizab adalah memadai untuk membiayai 5.7 bulan import tertangguh dan 4.6 kali hutang luar negara jangka pendek.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

Kedudukan fiskal kekal mengembang

Dasar fiskal terus mengembang pada suku pertama. Perbelanjaan pembangunan meningkat dengan ketara bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Seiring dengan kutipan hasil yang lebih rendah pada suku tersebut, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mencatat defisit yang lebih besar.

Hasil Kerajaan Persekutuan yang lebih sederhana pada suku pertama mencerminkan kutipan cukai pendapatan korporat (-31%) dan individu (-2%) yang lebih rendah. Cukai pendapatan korporat yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh kutipan yang lebih tinggi pada tahun 2002. Kutipan cukai turut dipengaruhi oleh insentif cukai yang diumumkan dalam Bajet 2003 bagi meningkatkan pelaburan dalam negeri di sektor perkhidmatan, pertanian dan perkilangan.

Insentif cukai turut diberikan kepada peniaga untuk mengurangkan kos operasi mereka. Kutipan cukai langsung yang lain, terutamanya duti setem juga lebih rendah disebabkan oleh prestasi pasaran saham dan harta tanah kediaman yang lembab.

Dalam kategori cukai tidak langsung, hasil daripada duti eksport adalah lebih tinggi (+50%) disebabkan oleh harga petroleum yang lebih tinggi (AS$32.64 setong pada suku pertama tahun 2003 berbanding AS$20.23 setong pada suku yang sama tahun sebelumnya). Kutipan cukai jualan lebih rendah (-22%) disebabkan oleh hasil melepas yang lebih besar berikutan subsidi yang diberikan bagi menstabilkan harga jualan runcit petrol, serta jualan kenderaan yang lebih rendah. Jualan kenderaan yang lebih rendah juga mengakibatkan kutipan cukai eksais yang lebih rendah (-6.5%). Langkah-langkah cukai yang baru turut mempengaruhi kutipan cukai perkhidmatan (-2.9%).

Kewangan Kerajaan Persekutuan [a]

	2002		2003
	suku 1	suku 4	suku 1
	RM juta		
Hasil	17,143	27,341	14,748
Perbelanjaan mengurus	14,716	22,538	11,650
Akaun semasa	**2,427**	**4,803**	**3,098**
(% daripada KDNK)	**2.9**	**5.0**	**3.3**
Perbelanjaan pembangunan bersih	3,713	14,616	7,775
Perbelanjaan kasar	*3,892*	*15,162*	*7,840*
Tolak: Terimaan balik	*179*	*546*	*65*
Imbangan keseluruhan	**-1,286**	**-9,813**	**-4,677**
(% daripada KDNK)	***-1.5***	***-10.1***	***-5.0***
Sumber-sumber kewangan:			
Pinjaman dalam negeri bersih	-2,400	3,976	8,800
Pinjaman luar negeri bersih	2,929	2,611	-26
Harta boleh jual dan penerimaan bukan hasil [1]	757	3,164	-4,100
Jumlah	**1,286**	**-9,813**	**4,677**

[a] Awalan.

[1] Termasuk perubahan dalam kira-kira Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Pengurangan harta boleh jual ditunjuk oleh tanda tambah (+).

Sumber: Jabatan Akauntan Negara

Hasil Kerajaan Persekutuan [a]

	2002		2003	
	suku 1	suku 4	suku 1	
	RM juta			% bahagian
Hasil Cukai	14,384	19,542	12,445	84.4
Cukai langsung	9,766	12,705	8,361	56.7
daripadanya:				
Cukai pendapatan	9,381	12,124	7,973	54.1
Korporat	*5,108*	*8,907*	*3,551*	*24.1*
Petroleum	*500*	*2,324*	*707*	*4.8*
Perseorangan	*3,772*	*853*	*3,686*	*25.0*
Koperasi	*1*	*41*	*29*	*0.2*
Duti setem	346	463	326	2.2
Cukai keuntungan hartanah	26	104	51	0.3
Cukai tak langsung	4,618	6,836	4,084	27.7
daripadanya:				
Duti eksport	149	285	223	1.5
Duti import	709	1,037	670	4.5
Duti eksais	1,057	1,299	989	6.7
Cukai jualan	1,896	2,903	1,474	10.0
Cukai perkhidmatan	390	752	378	2.6
Hasil bukan cukai dan penerimaan bukan hasil	2,758	7,800	2,303	15.6
Jumlah	**17,143**	**27,341**	**14,748**	**100.0**

[a] Awalan.

Sumber: Jabatan Akauntan Negara

Langkah-langkah tersebut termasuk pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penghantaran dari Malaysia ke luar negara, serta perkhidmatan profesional terpilih yang diberikan kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama. Sementara itu, kutipan cukai import adalah lebih rendah (-5.5%) bagi hampir kesemua subsektor.

Pada masa yang sama, jumlah perbelanjaan meningkat sebanyak 4.7% kepada RM19.5 bilion disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi. Perbelanjaan pembangunan yang bertambah disalurkan terutamanya untuk program-program sosial dan ekonomi. Dari segi peruntukan, perbelanjaan disalurkan terutamanya untuk pendidikan (37.5%), infrastruktur (13.5%) dan pembangunan industri (12.8%).

Hutang Kerajaan Persekutuan lebih tinggi - tetapi pada tahap terkawal

Hutang Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan lebih tinggi sebanyak RM175.3 bilion pada akhir bulan Mac 2003. Dari segi KDNK, paras hutang terkawal pada 45.9% daripada KDNK (45.7% daripada KDNK pada akhir tahun 2002). Paras hutang ini terus terkawal dengan hutang dalam negeri mencakupi sebanyak 78% daripada jumlah hutang.

Peningkatan bersih hutang yang belum dijelaskan mencerminkan terutamanya peningkatan pinjaman bersih dalam negeri. Penerbitan sekuriti kerajaan di pasaran dalam negeri berjumlah RM19.1 bilion pada suku pertama. Kerajaan Persekutuan mengapungkan lima terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) berjumlah RM17.1 bilion secara tender terbuka melalui peniaga-peniaga utama serta tawaran persendirian. Terdapat satu Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) berjumlah RM2 bilion turut diterbitkan. Memandangkan keadaan mudah tunai yang lega, penerbitan sekuriti tersebut tidak menjejaskan keperluan pembiayaan sektor swasta. Selepas pengkelasan semula pinjaman bersindiket dalam denominasi asing sebagai hutang luar negeri, jumlah hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan berjumlah RM135.9 bilion pada akhir bulan Mac 2003.

Sebagai sebahagian daripada pengurusan hutang berhemat bagi menurunkan kos khidmat hutang, Kerajaan Persekutuan membiayai semula pinjaman bersindiket dwimatawangnya yang diperoleh pada tahun 1999. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan meningkat daripada RM36.3 bilion pada akhir Disember 2002 kepada RM39.4 bilion pada akhir bulan Mac 2003, disebabkan terutamanya oleh pengkelasan semula pinjaman bersindiket dalam denominasi asing. Pinjaman tersebut, yang diperoleh di Labuan, sebelum ini dikelaskan sebagai hutang dalam negeri. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan kekal rendah mencakupi sebanyak 21% daripada hutang negara yang belum dijelaskan.

Hutang Kerajaan Persekutuan

	Perubahan berbanding suku sebelumnya			Pada akhir bulan Mac 2003	
	2002		2003		
	Suku 1	Suku 4	Suku 1		
	RM juta				% bahagian
Hutang dalam negeri	-2,424	4,118	7,211	135,891	77.5
Sekuriti Kerajaan	-2,400	4,000	6,800	116,350	66.4
Pinjaman-pinjaman lain [1]	-24	118	411	19,541	11.1
Hutang luar negeri	2,665	4,160	3,114	39,397	22.5
Pinjaman projek	2,770	3,612	3,137	31,811	18.1
Pinjaman pasaran	-105	548	-23	7,586	4.3
Jumlah	242	8,278	10,326	175,289	100.0


[1] Termasuk bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan, pinjaman kepada Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan pinjaman bersindiket dalam denominasi asing. Pada tahun 2003, pinjaman bersindiket dalam denominasi asing dikelaskan semula sebagai pinjaman luar negeri.

Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Dasar monetari kekal akomodatif pada suku pertama tahun 2003 untuk terus menyokong aktiviti ekonomi. Kadar faedah antara bank dan kadar faedah runcit kekal rendah dan stabil. Mudah tunai kekal lega. Mencerminkan kos pinjaman yang rendah dan akses pembiayaan yang berterusan, aktiviti pembiayaan sektor swasta terus mapan pada suku tersebut. Jumlah pembiayaan kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal berkembang pada kadar tahunan sebanyak 12.2%.

Kadar Faedah Jangka Panjang




Kadar faedah kekal rendah dan stabil


Pada suku pertama, kadar faedah kekal stabil. Purata bulanan kadar faedah berwajaran bagi tempoh matang wang semalaman dan seminggu berlegar antara 2.75-2.81% dan 2.78-2.83% (suku keempat 2002: 2.74-2.79% dan 2.76-2.88%), manakala kadar faedah bagi tempoh matang 1-bulan stabil pada 2.99% pada suku tersebut. Sementara itu, kadar faedah bagi tempoh matang 5 tahun dan 10 tahun Sekuriti Kerajaan Malaysia kekal rendah pada 3.098% dan 3.722% pada akhir bulan Mac (masing-masing sebanyak 3.153% dan 4.058% pada akhir bulan Disember 2002). Arah aliran yang sama juga dilihat pada kadar faedah hadapan 3-bulan Klibor, mencerminkan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah akan kekal rendah dalam jangka masa terdekat.

Peminjam mendapat faedah daripada pasaran kredit bersaingan. Produk pinjaman perumahan dengan kadar berperingkat dan kadar faedah sewa beli kenderaan ditawarkan lebih rendah daripada kadar berian pinjaman asas (BLR). Walaupun, **purata kadar pinjaman** bank-bank perdagangan kekal stabil, purata kadar pinjaman syarikat kewangan terus menurun pada bulan Mac. Berikutan kadar inflasi yang rendah pada suku tersebut, pendeposit terus menikmati pulangan positif ke atas deposit mereka.

Kadar Faedah antara Bank
(purata bulanan)



Kadar Pinjaman: Bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan




Berdasarkan pertumbuhan yang sederhana dan tekanan deflasi yang meningkat di negara-negara utama serta peningkatan ketidaktentuan kesan daripada pasaran kewangan yang terus volatil, langkah awal telah diambil dengan menurunkan Kadar Campur tangan 3-bulan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5% pada 21 Mei. Dengan pengurangan kadar faedah dasar, kadar berian pinjaman (BLR) maksimum bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan menurun masing-masing kepada 6% dan 6.94%, daripada 6.42% dan 7.46%. Mencerminkan paras BLR maksimum yang lebih rendah, purata BLR bank perdagangan dan syarikat kewangan, pada 27 Mei, berada masing-masing pada 6% dan 6.90% (akhir bulan April: 6.39% dan 7.45%).

Aktiviti berian pinjaman bank kekal mapan

Pada suku pertama, aktiviti berian pinjaman bank kekal mapan. Pengeluaran pinjaman berjumlah RM100.4 bilion, berada lebih kurang pada paras yang dicatatkan pada suku keempat tahun 2002. Permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing meningkat sebanyak 14.4% dan 14.1% berbanding dengan suku yang sama pada tahun 2002 (masing-masing meningkat sebanyak 6.8% dan 5.1% berbanding dengan suku sebelum ini). Peningkatan dalam kelulusan pinjaman terutamanya mencerminkan permintaan untuk pinjaman daripada sektor isi rumah. Permohonan untuk pinjaman perumahan dan kereta meningkat pada kadar tahunan masing-masing sebanyak 14.7% dan 30.2% berbanding dengan suku yang sama pada tahun 2002 (peningkatan sebanyak 2.4 and 3.6% berbanding dengan suku sebelum ini).

Pinjaman yang terkumpul meningkat dengan sederhana sebanyak RM1.2 bilion pada suku pertama (S4 2002: +RM2.7 bilion; S1 2002: +RM5.8 bilion).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal




Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman


	Pada suku			Pertumbuhan tahunan	
	2002		2003	2002	2003
	S1	S4	S1	S4	S1
	RM bilion			(%)	
Jumlah					
Permohonan pinjaman	49.0	52.5	56.1	t.d.	14.4
Kelulusan pinjaman	30.9	33.6	35.3	13.6	14.1
Pengeluaran pinjaman	99.9	106.0	100.4	10.9	0.5
Bayaran balik pinjaman	96.7	104.9	100.9	7.0	4.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul	5.8	2.7	1.2	4.2*	3.2*
antaranya:					
Perusahaan perniagaan					
Permohonan pinjaman	34.3	31.6	33.7	t.d.	-1.6
Kelulusan pinjaman	15.1	16.6	18.1	21.8	19.7
Pengeluaran pinjaman	68.0	72.6	68.1	8.6	0.2
Bayaran balik pinjaman	65.8	71.2	69.4	-2.9	5.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul	-0.5	1.8	-4.5	-1.2*	-2.8*
Isi rumah					
Permohonan pinjaman	17.7	20.4	21.0	t.d.	18.2
Kelulusan pinjaman	14.9	16.7	16.0	11.2	7.5
Pengeluaran pinjaman	25.6	27.3	26.2	12.2	2.4
Bayaran balik pinjaman	20.7	22.0	22.5	16.4	8.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul	6.0	5.7	5.0	14.5*	13.5*

* Pertumbuhan tahunan pada akhir tempoh


Penunjuk Pinjaman



Penunjuk Pinjaman yang telah Dinyahmusim



Pengeluaran Pinjaman pada Suku Pertama 2003
(RM100.4 bilion)



Sistem Perbankan: Pinjaman mengikut Sektor


	Perubahan			Pinjaman yang terkumpul
	2002		2003	2003
	S1	S4	S1	Akhir-Mac
	RM bilion			
Pinjaman Sistem Perbankan antaranya:				
Perusahaan perniagaan	-0.5	-1.8	-4.5	247.6
Isi rumah	6.0	5.7	5.0	211.8
Mengikut sektor				
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	-0.3	0.2	-0.3	12.0
Perlombongan dan kuari	-0.3	-0.1	...	1.2
Perkilangan	1.0	-0.3	-0.8	66.4
Sektor harta benda yang luas	2.6	2.0	2.9	189.3
Pembinaan	*-0.2*	*-0.9*	*-0.3*	*37.9*
Pembelian rumah kediaman	*3.2*	*3.5*	*3.5*	*104.7*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*-0.3*	*-0.2*	*...*	*29.6*
Harta tanah	*-0.1*	*-0.4*	*-0.2*	*17.1*
Bekalan elektrik, gas dan air	-0.4	0.4	-0.6	6.2
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	-0.1	0.2	-0.5	39.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	-0.2	-0.5	-0.8	11.0
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	0.2	-0.6	-0.7	32.0
Kredit penggunaan di antaranya:	3.0	2.6	1.3	82.7
Kad kredit	*0.2*	*0.6*	*0.1*	*10.8*
Pembelian kereta penumpang	*2.7*	*1.9*	*1.2*	*56.3*
Pembelian sekuriti	0.2	0.6	-0.9	29.7
Pembelian kereta pengangkutan	-0.3	-0.5	...	3.1
Lain-lain	0.4	-1.3	1.5	18.9
Jumlah Baki Pinjaman[1]	**5.8**	**2.7**	**1.2**	**491.4**

[1] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.

Peningkatan yang sederhana dalam pinjaman terkumpul ini mencerminkan pembayaran balik pinjaman dan pinjaman dihapus kira yang tinggi. Pada asas tahunan, pinjaman yang terkumpul meningkat sebanyak 3.2% pada akhir bulan Mac (4.2% pada akhir tahun 2002).

Kesannya, nisbah pinjaman-deposit kekal pada 83% pada akhir bulan Mac. Termasuk pegangan sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan, nisbah pinjaman-deposit berada pada 93.7% pada akhir bulan Mac.


Keadaan Mudah Tunai



* Termasuk pelaburan sistem perbankan dalam sekuriti hutang swasta.

Perkembangan positif pada suku pertama adalah pinjaman yang diberikan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus meningkat sebanyak RM2.1 bilion (S4 2002: +RM0.3 bilion; S1 2002: +RM0.8 bilion). Sebahagian besar daripada dana ini

Pinjaman kepada Industri Kecil dan Sederhana



Sistem Perbankan: Pinjaman Kecil kepada Perusahaan Perniagaan

	Perubahan (RM bilion)			Pertumbuhan tahunan (%)		% bahagian daripada jumlah pinjaman	
	2002		2003		2003		2003
	S1	S4	S1	2002	Mac	2002	Mac
Pinjaman kepada perusahaan perniagaan bersaiz							
Kurang daripada RM500,000	3.1	-0.1	0.3	5.1	-0.2	12.4	12.4
Kurang daripada RM100,000	3.6	-0.4	0.6	18.9	2.8	5.0	5.2
RM100,000 - RM500,000	-0.5	0.3	-0.4	-2.7	-2.3	7.4	7.3

disalurkan kepada sektor perkilangan dan perdagangan borong. Mencerminkan kepentingan PKS yang kian meningkat bagi mengekalkan aktiviti perniagaan dan peranan proaktif institusi perbankan untuk menyediakan pembiayaan kepada sektor ini pada suku pertama, bahagian pinjaman PKS daripada jumlah baki pinjaman terus meningkat kepada 17.9% pada akhir bulan Mac (17.4% pada akhir tahun 2002).

Aktiviti berian pinjaman di bawah tabung-tabung khas juga menggalakkan pada suku pertama tahun 2003. Pengeluaran pinjaman di bawah enam tabung khas yang aktif terus meningkat sebanyak 21% pada suku tersebut. Permohonan dan kelulusan pinjaman juga lebih tinggi masing-masing sebanyak 9% dan 14%. Hasilnya, dana terkumpul yang disalurkan di bawah tabung-tabung ini meningkat sebanyak RM432 juta (+RM149 juta pada S4 2002 dan RM174 juta pada suku S1 2002). Sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk memastikan akses kepada dana pada kos yang berpatutan untuk PKS, saiz untuk dua tabung khas telah ditambah pada bulan Mac. Peruntukan kepada Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) telah ditambah sebanyak RM600 juta kepada RM1,250 juta, sementara peruntukan dana untuk Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2) telah ditambah sebanyak RM400 juta kepada RM900 juta.

Sejajar dengan peningkatan yang berterusan dalam aktiviti ekonomi, ketiga-tiga agregat monetari, M1, M2 dan M3, terus mengembang masing-masing


Status Tabung-tabung Khas Terpilih

	Kelulusan			Kadar penggunaan		Pengeluaran			Baki Pinjaman		
	Jumlah pada akhir tempoh		Perubahan			Jumlah pada akhir tempoh		Perubahan	Jumlah pada akhir tempoh		Perubahan
	2002	Mac-03	S1 2003	2002	Mac-03	2002	Mac-03	S1 2003	2002	Mac-03	S1 2003
	RM juta			%		RM juta			RM juta		
Tabung untuk Makanan	1,296	1,340	44	99.7	103.0	1,124	1,170	46	675	683	9
Tabung Usahawan Baru 2	652	780	128	130.4	86.7	326	467	141	316	452	136
Tabung IKS 2	1,049	1,310	261	161.4	104.8	510	819	309	457	749	292
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	317	377	61	105.6	125.7	257	283	26	111	102	(9)
Tabung Pemulihan IKS	323	324	1	64.5	64.7	284	293	9	240	245	5
Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan	2	3	1	0.4	0.6	1	1	-	1	1	-
JUMLAH	**3,638**	**4,133**	**495**	**97.0**	**87.0**	**2,503**	**3,033**	**530**	**1,800**	**2,232**	**432**

Nota: Peruntukan TIKS2 dan TUB2 ditambah pada bulan Mac 2003 masing-masing sebanyak RM600 juta dan RM400 juta

pada kadar 8.4%, 5.6% dan 6.7% pada akhir bulan Mac (10.3%, 5.8%, 6.7% pada akhir tahun 2002). Mencerminkan pertumbuhan yang mapan dalam perbelanjaan penggunaan, permintaan untuk baki urus niaga kekal kukuh pada suku pertama. Peningkatan aktiviti pembiayaan bank kepada sektor swasta (RM7.8 bilion) menjadi pendorong utama pengembangan bekalan wang secara luas (RM12.6 bilion, RM11 bilion pada suku keempat 2002). Pengembangan dalam operasi Kerajaan (RM4.7 bilion) turut menyokong peningkatan dalam bekalan wang, berikutan pengeluaran deposit oleh Kerajaan daripada BNM untuk membiayai perbelanjaannya. Pada suku pertama, deposit yang lebih tinggi diperoleh daripada individu dan perusahaan perniagaan terutamanya dalam bentuk akaun simpanan tetap. Peningkatan dalam pendapatan individu semenjak beberapa tahun yang lalu telah menyumbang kepada peningkatan dalam deposit individu. Justeru, peratus bahagian deposit individu kepada jumlah deposit meningkat daripada 40.9% pada akhir tahun 1996, kepada 47.6% pada akhir bulan Mac 2003.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Pasaran Modal

Pasaran modal kekal sebagai sumber kewangan yang penting

Jumlah **dana yang diperoleh daripada pasaran modal** adalah lebih tinggi pada suku pertama 2003. Di sektor awam, dana yang diperoleh berjumlah RM20.3 bilion, terutamanya melalui Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Sepanjang suku tersebut, tiga SKM baru dan dua bukaan semula SKM diterbitkan. Terdapat juga penebusan SKM berjumlah RM10.3 bilion.

Dana bersih yang diperoleh daripada sektor swasta juga dalam jumlah yang besar, iaitu sebanyak RM15.8 bilion. Dana yang diperoleh daripada Sekuriti Hutang Swasta (SHS) berjumlah RM15.2 bilion, diterbitkan terutamanya oleh syarikat korporat utama untuk tujuan penstrukturan semula hutang. Dalam pasaran ekuiti, dana yang diperoleh berjumlah RM542

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2002		2003[a]
	S1	S4	S1
	RM juta		
Oleh Sektor Awam			
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	3,408	6,000	17,730
Tolak Penebusan	5,400	2,000	10,300
Tolak Milikan Kerajaan	0	0	0
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	(1,992)	4,000	7,430
Khazanah Bon *bersih*	0	0	878
Terbitan Pelaburan Kerajaan *bersih*	0	738	1,729
Bon Simpanan Malaysia *bersih*	472	(2)	(2)
Dana bersih yang diperoleh	(1,520)	4,736	10,035
Oleh Sektor Swasta			
Saham	2,051	2,112	542
Sekuriti hutang[1]	4,850	11,701	17,405
Tolak Penebusan	3,669	10,271	2,176
Bersamaan Keluaran bersih	1,181	1,430	15,229
Dana bersih yang diperoleh	3,232	3,542	15,772
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	1,712	8,278	25,806
Kertas dan Nota jangka pendek *bersih* [2]	(1,461)	413	743
Jumlah	251	8,691	26,549


[1] Tidak termasuk sekuriti hutang swasta yang diterbitkan oleh institusi perbankan.
[2] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.
[a] Awalan

juta. Sepanjang suku tersebut, sejumlah 12 terbitan awam awal (IPOs) diterbitkan dan antaranya, dua disenaraikan di Papan Utama, tiga di Papan Kedua dan enam lagi di Pasaran MESDAQ. Jumlah dana yang diperoleh melalui IPOs berjumlah RM236.1 juta dan diterbitkan terutamanya oleh syarikat di sektor teknologi, pengguna dan keluaran industri.

Prestasi BSKL dipengaruhi terutamanya oleh perkembangan luar negeri

Prestasi **Bursa Saham Kuala Lumpur** (BSKL) pada suku pertama 2003 adalah lembap dengan sentimen dipengaruhi oleh perkembangan luar negara, terutamanya jangkaan terhadap kesan perang di Iraq. Pada bulan Januari, pasaran bermula dengan tanda yang positif, disokong oleh pengumuman lebih awal mengenai penubuhan syarikat pengurusan dana baru yang dimiliki oleh dana-dana amanah sektor awam serta beberapa perkembangan korporat yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, pasaran secara beransur-ansur menurun selepas itu disebabkan oleh ketidaktentuan prospek ekonomi global, berikutan peningkatan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Pada akhir bulan Mac, prestasi pasaran meningkat sedikit kerana jangkaan perang Iraq yang singkat. Bagi keseluruhan tempoh suku pertama, Indeks Komposit BSKL (IK BSKL) menurun sebanyak 10.6 mata atau 1.6% sejak akhir tahun 2002, dan ditutup pada 635.72 mata. Permodalan pasaran juga menurun sebanyak 0.9% sejak akhir-2002 kepada RM477.39 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah dagangan meningkat 39.3% sepanjang suku tersebut, dengan 12.4 bilion unit didagangkan pada nilai RM21.3 bilion. Secara purata, jumlah dagangan harian adalah lebih tinggi pada suku tersebut. Prestasi IK BSKL pada suku pertama 2003 adalah secara relatifnya lebih baik daripada kebanyakan pasaran serantau dan global terpilih.

Prestasi Pasaran Serantau dan Global Terpilih pada Suku Pertama 2003



BSKL: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2002				2003
	S1	S2	S3	S4	S1
Indeks Harga					
- Komposit	756.10	725.44	638.01	646.32	635.72
- EMAS	181.72	176.5	155.39	157.25	153.98
- Papan Kedua	132.29	119.84	102.89	98.24	93.00
Purata urus niaga harian					
- Jumlah (juta unit)	304.9	299.3	159.1	143.4	213.6
- Nilai (RM juta)	636.1	643.8	349.2	275.8	367.1
Permodalan pasaran (RM b)	517.63	505.89	476.35	481.62	478.3
Bilangan Syarikat yang disenaraikan	826	843	859	865	874


BSKL: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2002				2003	
	S1		S4		S1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga *diantaranya:*	17,684	36,895	8,890	17,098	12,387	21,294
Papan Utama	14,769	31,045	7,276	14,914	10,609	19,397
diantaranya						
- Barangan Pengguna	647	2,616	255	1,095	309	1,481
- Barangan Perusahaan	1,291	1,747	575	1,213	711	1,535
- Pembinaan	1,185	2,660	869	1,199	1,482	1,687
- Perdagangan/ Perkhidmatan	3,073	10,173	1,791	5,384	2,791	7,165
- Kewangan	2,670	7,418	1,244	3,335	1,532	3,784
- Harta benda	1,522	1,378	996	749	1,370	966
- Perladangan	341	1,269	178	737	296	1,283
- Perlombongan	62	112	38	72	48	91
Papan Kedua	2,888	5,814	1,523	2,162	1,591	1,807

Pasaran bon memperoleh dana bersih yang lebih tinggi


Pasaran bon ringgit kekal sebagai sumber pembiayaan yang penting pada suku pertama. Jumlah dana bersih yang diperoleh berjumlah RM25.3 bilion, dengan RM15.2 bilion diperoleh oleh sektor swasta. Suasana kadar faedah yang rendah terus menyediakan persekitaran yang kondusif kepada syarikat untuk menerbitkan sekuriti hutang jangka panjang pada kos yang kompetitif. Dana yang diperoleh adalah terutamanya untuk tujuan pembiayaan semula dan penstrukturan semula, masing-masing mencakupi 47.3% dan 22.8% daripada jumlah dana yang diperoleh. Dari segi tempoh matang, terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) kebanyakannya dalam tempoh matang antara 1 sehingga 5 tahun (47% daripada jumlah) diikuti oleh tempoh matang antara 5 hingga 10 tahun (43%). Pada akhir bulan Mac, jumlah bon terkumpul bernilai RM298.6 bilion, dengan bon sektor swasta mencakupi sebanyak 54.8% daripada jumlah nilai terkumpul.

Terbitan PDS mengikut Tujuan Penggunaan




Jumlah urus niaga di pasaran sekunder bon meningkat kepada RM132.2 bilion (S4 2002: RM114.4 bilion) dengan pelabur-pelabur terus memilih pelaburan yang lebih selamat pada tempoh tersebut. Urus niaga tertumpu kepada sekuriti Kerajaan dan separa-Kerajaan. Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) menyumbang sebanyak 67.7% daripada jumlah urus niaga, sementara bon Cagamas dan Khazanah pula menyumbang sebanyak 8.1% daripada jumlah urus niaga. GII dan SKM merupakan kertas yang paling cair, masing-masing mencatat jumlah jualan sebanyak 1.1 dan 0.7 kali daripada jumlah nilai terkumpul. Urus niaga bon korporat tertumpu terutamanya kepada terbitan sekuriti yang bertaraf tinggi.

Nisbah Mudah Tunai Bulanan: Urus Niaga/ Nilai Terkumpul (Suku Pertama 2003)



Minat yang meningkat terhadap instrumen-instrumen perolehan tetap menyebabkan kadar hasil semakin berganjak ke bawah dan mengecil. Dalam keadaan ketidaktentuan terhadap peperangan di Iraq, minat pelabur kepada kertas berjangka sederhana dan panjang meningkat, menyebabkan kadar hasil jangka panjang menurun. Tebaran kadar hasil antara SKM 5- dan 10-tahun menguncup daripada 90 mata asas pada bulan Disember 2002 kepada 62 mata asas pada bulan Mac 2003. Kadar hasil bon korporat mencerminkan

Arah Aliran Kadar Hasil SKM




pergerakan kadar hasil SKM. Kertas yang bertaraf AA mencatat penurunan kadar hasil terbesar disebabkan oleh minat yang lebih tinggi kepada kertas tersebut yang memberi keuntungan lebih tinggi di samping terdapat lebih banyak terbitan dalam kategori ini.


Kadar Pertukaran

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama dan serantau pada suku pertama tahun 2003, selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing


Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir-Jun 1997	2 September 1998	Akhir-S4 2002	Akhir-S1 2003	% perubahan[1] Akhir-Jun 1997	2 September 1998	Akhir-S4 2002
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	-33.6	0.0	0.0
Euro	-	-	3.9811	4.1145	-	-	-3.2
Paun sterling	4.1989	6.3708	6.0924	5.9898	-29.9	6.4	1.7
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.2020	3.1774	-30.5	-12.7	0.8
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.1887	2.1523	-18.0	2.2	1.7
100 baht Thai	9.7470	9.3713	8.8096	8.8588	10.0	5.8	-0.6
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	7.1462	7.0948	35.1	24.5	0.7
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0425	0.0427	143.1	-17.1	-0.5
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3197	0.3019	-5.9	-6.4	5.9

Nota:
[1] (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang berkenaan dan (-) menunujukkan penyusutan nilai.

antarabangsa (Carta 1, 2 dan 3). Dolar terjejas teruk akibat pengelakan risiko pasaran disebabkan oleh perkembangan perang di Iraq serta jurang perbezaan kadar faedah yang positif menyebelahi mata wang utama yang lain. Perkembangan yang ketara adalah prestasi mata wang euro yang mencecah tahap tertingginya selama 4 tahun berbanding dolar AS pada 10 Mac disebabkan oleh aliran masuk modal dari AS. Antara mata wang serantau, nilai won Korea menyusut dengan ketara disebabkan ketegangan di Korea Utara dan pendedahan salah laku korporat yang melibatkan konglomerat keempat terbesar di Korea.

Kadar pertukaran ringgit terus disokong oleh tahap rizab mata wang asing yang kukuh, kadar inflasi yang rendah, lebihan dalam akaun semasa yang berterusan, hutang luar negara yang rendah, serta sistem perbankan yang kukuh dan berdaya tahan.

PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

Perkembangan dalam Sistem Perbankan

Sektor perbankan terus mempamerkan daya ketahanan yang meningkat dalam suku pertama tahun 2003, walaupun dalam suasana global yang tidak menentu. Tahap modal terus mengukuh berikutan peningkatan dalam kualiti aset dan keuntungan yang lebih tinggi, seterusnya meningkatkan kapasiti institusi perbankan. Asas yang kukuh membolehkan sistem perbankan terus menyokong aktiviti ekonomi dan mengekalkan daya ketahanannya dalam menghadapi sebarang peningkatan ketidakpastian dalam ekonomi.

Modal mengukuh ekoran keuntungan yang lebih tinggi

Kedudukan modal sistem perbankan berada pada tahap yang lebih kukuh pada akhir bulan Mac 2003. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) meningkat kepada 13.1% daripada 12.8% pada akhir tahun 2002, manakala nisbah modal teras mengukuh kepada 10.9% daripada 10.1% pada akhir tahun 2002. Pengembangan modal asas yang lebih tinggi (2.8%) berbanding dengan peningkatan dalam aset berwajaran risiko (1%) telah menghasilkan kedudukan modal yang lebih kukuh.


	2002				2003
	Mac	Jun	Sep.	Dis.	Mac
Modal					
Nisbah modal teras (%)	10.8	10.9	11.0	11.1	10.9
RWCR (%)	12.6	13.2	13.3	12.8	13.1

Modal kumpulan-1 meningkat sebanyak RM1.7 bilion atau 3%, terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam keuntungan yang berjumlah RM1.3 bilion dan rizab berkanun sebanyak RM0.8 bilion. Selaras dengan aktiviti pemberian pinjaman yang kukuh, aset berwajaran risiko terus meningkat.

Keuntungan lebih tinggi dicatat berikutan kualiti portfolio pinjaman yang terus meningkat

Sistem perbankan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 4.2% dalam pendapatan operasi bersih kepada RM3.1 bilion dalam suku pertama tahun 2003 hasil daripada impak berganda daripada pendapatan faedah yang lebih tinggi dan perbelanjaan faedah yang lebih rendah.

Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Tidak Berbayar Bersih



Berikutan kualiti aset yang bertambah baik, keperluan peruntukan jatuh sebanyak RM1.8 bilion. Dalam suku tahun ini, terdapat juga jumlah kutipan balik yang ketara (+RM2.2 billion atau 139.7%). Hasilnya, keuntungan sebelum cukai meningkat kepada RM2.8 bilion dalam suku pertama, iaitu 4.4% lebih tinggi daripada tahap yang dicatatkan dalam suku tahun sebelumnya.

Penurunan pinjaman tidak berbayar (NPL)

Pinjaman tidak berbayar terus menurun dalam suku pertama tahun 2003. NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun sebanyak RM1.18 bilion kepada RM30 bilion. Hasilnya, nisbah NPL bersih menurun kepada 7.0% pada akhir bulan Mac 2003. Untuk pertama kalinya semenjak krisis Asia, nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan telah menurun di bawah tahap 10%. Penurunan ini adalah disebabkan

oleh penukaran pinjaman dan pinjaman dihapus kira. Sebahagian besar penukaran pinjaman tersebut adalah hasil daripada pelaksanaan skim penyusunan semula pinjaman bagi satu peminjam korporat besar di bawah pengawasan CDRC dalam bulan Mac 2003.

Jumlah pinjaman tertunggak meningkat sedikit sebanyak 0.3%, untuk merangkumi 10.2% daripada jumlah pinjaman pada akhir bulan Mac 2003. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam pinjaman tertunggak di antara 1-3 bulan.

Tahap perlindungan kekal pada paras yang selesa iaitu 61.2% pada akhir bulan Mac 2003, malahan lebih kukuh lagi pada tahap 156.2% sekiranya nilai cagaran diambil kira.

Danaharta menetapkan sasaran untuk memulakan penebusan bon menjelang akhir tahun 2003

Danaharta meneruskan usaha pemulihannya bagi memperoleh nilai pemulihan yang maksimum daripada NPL. Dengan jangkaan kadar purata pemulihan sebanyak 56% (48% untuk pinjaman yang diambil alih dan 63% untuk pinjaman yang diurus), Danaharta menjangkakan untuk menerima sebanyak RM29.5 bilion daripada portfolio keseluruhannya. Pada akhir 2002, kutipan pemulihan Danaharta berjumlah RM20.3 bilion, yang merupakan 69% daripada jumlah keseluruhan yang dijangkakan dapat dikutip semula daripada portfolionya. Selaras dengan perjanjian perkongsian keuntungan dengan institusi yang menjual pinjaman mereka, Danaharta, setakat akhir tahun 2002, telah mengagihkan lebihan ke atas perolehan sebanyak RM371.1 juta dalam bentuk tunai dan 55,899,542 unit sekuriti kepada 30 buah institusi kewangan. Di samping itu, Danaharta juga telah mengagihkan sejumlah RM11.9 bilion nilai kutipan kasar bagi portfolio NPLnya. Danaharta juga telah menggunakan perolehan tunai tersebut untuk mengurangkan jumlah pinjamannya kepada RM0.4 bilion. Baki tunai sebanyak RM6.5 bilion yang telah dikutip akan digunakan untuk menebus bon kupon sifar siri pertamanya menjelang akhir tahun 2003.

Danamodal bersedia untuk menamatkan operasi dalam tahun 2003

Suntikan modal oleh Danamodal kekal sebanyak RM2.1 bilion pada akhir bulan Mac 2003 di dalam tiga institusi perbankan. Berdasarkan dana pemegang sahamnya yang bernilai RM2.2 bilion pada akhir tahun kewangannya pada 31 Disember 2002 and nilai yang akan diperolehi daripada pelupusan pelaburannya di dalam ekuiti dan kertas hutang, Danamodal mempunyai kapasiti untuk menebus kesemua bonnya apabila ianya matang pada bulan Oktober 2003.


SISTEM PEMBAYARAN

Perkembangan Dalam Sistem Pembayaran


RENTAS

Secara keseluruhannya, jumlah urus niaga yang diproses melalui sistem RENTAS meningkat sebanyak 14.43% dengan peningkatan nilai urus niaga sebanyak 4.32% pada suku pertama tahun 2003 berbanding suku pertama tahun 2002. Pada suku pertama tahun 2003, jumlah dan nilai urus niaga yang diproses menerusi sistem pemindahan dana antara bank (IFTS) RENTAS merosot masing-masing sebanyak 1.66% kepada 400.2 juta urus niaga dan 3.24% kepada RM2.79 trilion berbanding suku keempat tahun 2002. Jumlah dan nilai urus niaga yang diproses melalui Sistem Penjelasan Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS), bagaimanapun, meningkat masing-masing sebanyak 10.12% kepada 0.03 juta dan 3.19% kepada RM284.64 bilion.


Jumlah Urus Niaga RENTAS



Urus Niaga IFTS RENTAS




Urus Niaga SSTS RENTAS



SPICK

Semua cek dalam Ringgit diproses di pusat penjelasan SPICK (Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan) yang beroperasi di tiga kawasan iaitu utara, tengah dan selatan Semenanjung Malaysia. Jumlah cek yang diproses oleh pusat-pusat SPICK Bank Negara Malaysia menunjukkan penurunan semenjak tiga suku tahunan yang lepas. Penurunan ini mungkin disebabkan oleh penggunaan kaedah pembayaran elektronik yang semakin meningkat. Jumlah cek yang diproses pada suku pertama tahun 2003 mencatat penurunan sebanyak 0.13% dan 1.07% dari segi jumlah dan nilai cek berbanding suku pertama tahun 2002. Pada suku pertama tahun 2003, jumlah cek yang diproses merosot sebanyak 3.19% kepada 42.62 juta berbanding suku keempat tahun 2002. Seterusnya, nilai cek yang diproses oleh pusat-pusat SPICK juga merosot namun pada kadar yang lebih rendah iaitu sebanyak 1.31% kepada RM265.25 bilion.

Jumlah dan Nilai Cek yang dijelaskan oleh Pusat-pusat SPICK




Bankcard

Pada suku pertama tahun 2003, jumlah pengeluaran wang tunai melalui mesin ATM merosot sebanyak 0.34% kepada 49.27 juta urus niaga berbanding suku keempat tahun 2002 sementara nilai pengeluaran merosot sebanyak 0.49% kepada RM20.06 bilion. Pada tempoh yang sama, institusi perbankan domestik berjaya menaikkan taraf semua mesin ATM untuk menerima kad pembayaran yang berasaskan cip. Pelancaran rasmi Bankcard pada 28 Februari 2003 menandakan kejayaan pelaksanaan salah satu daripada dua aplikasi kad pintar di bawah Aplikasi Perdana Kad Pelbagai Guna yang merupakan satu daripada tujuh Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia. MyKad pula dikeluarkan dan dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Pada akhir suku pertama tahun 2003, lebih daripada 1.74 juta Bankcard telah dikeluarkan. Kini, institusi perbankan sedang menaikkan taraf mesin ATM masing-masing untuk membolehkan penambahan nilai semula MEPS Cash ke dalam Bankcard dan MyKad. Sejumlah 2,500 mesin ATM atau 66.0% daripada jumlah mesin ATM yang dimiliki institusi perbankan domestik telah dinaikkan tarafnya untuk penambahan nilai MEPS Cash dalam Bankcard dan 445 mesin ATM atau 11.5% untuk penambahan nilai dalam MyKad.

Kad-kad Pembayaran

Bilangan kad kredit dan kad caj dalam edaran masing-masing meningkat sebanyak 3.9% kepada 4.53 juta kad dan 1.75% kepada 0.35 juta

Operasi Kad Kredit dan Kad Caj



kad berbanding suku keempat tahun 2002. Industri kad kredit berkembang dengan pesat sejak suku pertama tahun 2002. Selaras dengan peningkatan bilangan kad kredit sebanyak 24.2%, nilai urus niaga kad kredit telah meningkat sebanyak 19.18%.

Bank Negara Malaysia juga telah mengambil langkah untuk meningkatkan kesedaran pengguna dan menggalakkan penggunaan kad kredit secara berhemah. Sehubungan ini, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai operasi kad kredit pada 18 Mac 2003, dan pengeluar-pengeluar kad kredit dikehendaki menjalankan perubahan sistem yang diperlukan bagi mematuhi keperluan garis panduan ini dalam tempoh enam bulan.

Garis panduan baru ini menetapkan keperluan minimum operasi kad kredit dan menggantikan garis panduan yang dikeluarkan sebelum ini. Garis panduan baru ini juga mencakup beberapa perkara baru seperti keperluan pemberian pinjaman yang berhemah, penggunaan kad kredit dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang, tanggungan pemegang kad tambahan, tanggungan bagi kad kredit yang hilang dan dicuri serta memberi penekanan terhadap program kesedaran dan pendidikan pengguna.


Penggunaan kad debit di Malaysia masih lagi rendah berbanding kad kredit dan kad caj. Namun begitu, jumlah urus niaga kad debit mencatat peningkatan sebanyak 2.13% kepada 0.29 juta urus niaga pada suku pertama tahun 2003 dan dari segi nilai, ia meningkat sebanyak 1.12% kepada RM21.17 juta.

Pada akhir Mac tahun 2003, lebih 3,400 pembaca kad (card reader) MEPS Cash telah dipasang oleh institusi perbankan domestik di pelbagai organisasi perniagaan di seluruh negara. Di samping institusi perbankan domestik, terdapat juga institusi-institusi lain terlibat dalam memeroleh perniagaan menggunakan MEPS Cash. Bagi meningkatkan kesedaran mengenai MEPS Cash sebagai skim e-purse kebangsaan, institusi perbankan akan mengadakan kempen pemasaran bagi menggalakkan penggunaan MEPS Cash sebagai cara pembayaran bukan-tunai. Kerajaan menyokong penggunaan MEPS Cash oleh organisasi perniagaan sebagai alat pembayaran.

Interbank GIRO (IBG)

Sistem IBG memudahkan pembayaran pihak ketiga di antara institusi perbankan yang menyertainya dengan mengeluarkan arahan tetap seperti bayaran balik pinjaman, premium insuran, gaji, pembayaran cukai dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Jika dibandingkan dengan suku pertama tahun 2002, terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah dan nilai masing-masing sebanyak sebanyak 130.54% dan 72.77%. Jumlah dan nilai urus niaga IBG pada suku pertama tahun 2003 meningkat sebanyak 17.84% kepada 0.21 juta urus niaga dan 8.81% kepada RM1.41 bilion berbanding suku keempat tahun 2002. Peningkatan urus niaga IBG menunjukkan bahawa kaedah pembayaran secara elektronik semakin diterima oleh orang ramai.


Transaksi Giro Antara Bank



Gerbang Pembayaran

Pada suku pertama tahun 2003, jumlah dan nilai urus niaga melalui gerbang pembayaran MEPS telah menurun sebanyak 8.8% dan 9.83% berbanding suku keempat tahun 2002.

Transaksi Gerbang Pembayaran



TADBIR URUS KORPORAT: KE ARAH MENGEKALKAN KESTABILANKEWANGAN DAN PERTUMBUHAN BERTERUSAN

Oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara Malaysia
26 Mac 2003

Bismillahirrahmanirrahim

Di dalam persekitaran masa kini yang penuh dengan ketidaktentuan, pengurusan menjadi elemen pembeza yang amat penting dalam menentukan prestasi relatif. Bagi sektor kewangan, krisis kewangan Asia pada tahun 1998 telah menekankan kepentingan mengekalkan kestabilan kewangan sebagai faktor untuk mengecapi pertumbuhan ekonomi yang mapan. Ini adalah lebih ketara di dalam konteks sistem kewangan global yang semakin berhubungkait di mana kejutan kewangan semakin mudah dan pantas merebak merentasi pasaran serta sektor kewangan domestik. Kesannya adalah lebih mendalam dan ketara sekiranya terdapat kelemahan dalam tadbir urus korporat. Di Malaysia, keutamaan tertinggi telah diberikan terhadap keperluan mengekalkan kestabilan kewangan. Bagi ekonomi pasaran membangun, cabaran bagi mencapai kestabilan kewangan merentasi keperluan bagi pembaharuan pengawalseliaan, bagi keperluan membangunkan struktur kewangan yang kukuh dan efisien. Cabaran bagi para penggubal dasar di dalam persekitaran yang baru ini adalah untuk terus mengekalkan keyakinan dan kestabilan serta menggalakkan pertumbuhan yang seimbang dan saksama. Kita telah menyaksikan bahawa usaha penstrukturan kewangan dan langkah-langkah bagi mempertingkatkan tadbir urus korporat yang telah diusahakan di rantau ini bukan sahaja telah menyumbangkan ke arah memperbaharui semula dan mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan, tetapi juga telah menyumbang kepada peningkatan keberkesanan dan kecekapan sistem kewangan.

Di dalam konteks Malaysia, penyusunan semula sektor kewangan dan korporat, proses penyatuan dan pembaharuan kewangan lain yang telah dilaksanakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah meningkatkan kekukuhan dan kemantapan sistem perbankan. Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia tahun 2002 yang telah dikeluarkan hari ini menunjukkan kemajuan yang ketara dalam kekukuhan dan kemantapan sistem perbankan. Kunci kira-kira yang lebih kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko sebanyak 13% dan pinjaman tak berbayar dan peruntukan yang lebih rendah telah meletakkan institusi perbankan dalam posisi yang lebih kukuh untuk menyerap kejutan yang timbul daripada persekitaran semasa yang tidak menentu.

Kemantapan jangka panjang sistem perbankan dan kekukuhan pertumbuhan ekonomi dengan elemen kekuatan tersendiri untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti, walau bagaimanapun, bergantung kepada pembentukan asas-asas kukuh tadbir urus korporat yang baik. Sementara kemajuan di dalam meningkatkan tadbir urus korporat setakat ini cukup menggalakkan, cabaran daripada perubahan global yang pesat dan persekitaran kewangan pada hari ini memerlukan tahap tadbir urus korporat yang lebih tersebar luas dan lebih tinggi berbanding dengan apa yang telah dicapai setakat ini. Dalam persekitaran masa kini yang penuh dengan cabaran dan berisiko tinggi yang berpunca daripada globalisasi, ketidaktentuan dan aliran kewangan yang besar, dan juga kekerapan

kecenderungan bagi pasaran untuk bertindakbalas secara berlebihan dan pada jangka masa yang panjang, amalan tadbir urus korporat yang kukuh menjadi benteng pengurangan risiko dan kestabilan.

Tambahan pula, ketidakpastian yang muncul daripada perkembangan luaran termasuk perkembangan geopolitik dan implikasinya ke atas ekonomi global dan pasaran kewangan telah mewujudkan keperluan kepada pengurusan yang baik dan tadbir urus yang utuh sebagai objektif utama dan sasaran korporat serta institusi kewangan. Prestasi berterusan memerlukan asas-asas yang kukuh bagi mengharungi kitaran ekonomi, kemampuan untuk bertahan dalam keadaan pasaran yang tidak stabil dan kemampuan menyeluruh untuk menyesuaikan diri dengan suasana yang pantas berubah. Proses membuat keputusan akan menjadi lebih mencabar dan memerlukan sokongan informasi yang tepat, boleh diharapkan dan telus, serta proses yang seimbang bagi membuat keputusan. Keperluan untuk mengambil kira pelbagai kuasa perubahan telah menjadikannya penting bagi pihak pengurusan untuk menjalankan analisa yang mendalam dan mengambil perspektif berpandangan ke hadapan yang membolehkan mereka bukan sahaja mengurus sasaran jangka pendek tetapi juga menumpukan fokus ke orientasi strategik jangka sederhana dan panjang. Kita perlu melakukan lebih daripada mencapai keuntungan, dan menumpukan perhatian kepada faktor-faktor meluas yang memastikan prestasi yang berterusan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya berbesar hati kerana telah dijemput untuk berkongsi dengan para hadirin sekalian mengenai pandangan saya tentang "Tadbir Urus Korporat". Isu tadbir urus korporat sememangnya relevan berdasarkan beberapa kegagalan korporat dan krisis keyakinan terhadap keterlaluan korporat yang berlaku dalam negara-negara maju serta negara membangun. Jumlah kegagalan sekatan dan imbangan dalaman dan luaran dalam nilai tadbir urus serta penyempitan tumpuan kepada keuntungan peribadi lantaran menjejaskan kepentingan pihak-pihak lain, telah menyebabkan banyak syarikat besar dan terkemuka musnah, akibat salah laku dan penipuan. Kejadian kelemahan tadbir urus korporat yang meningkat telah menghakis keyakinan para pelabur di serata dunia, meningkatkan kos modal, mengurangkan akses kepada pasaran kewangan, dan menyekat pertumbuhan inisiatif-inisiatif produktif serta meningkatkan kos apabila sumber sektor awam perlu digunakan untuk tujuan 'menyelamatkan' atau ‘bail-out’. Perkembangan ini telah menyebabkan kajian semula rangka kerja yang ada pengawalseliaan dan pengenalan rangka kerja pengawalseliaan yang baru dan lebih mendesak. Meskipun tindakan kawalseliaan tersebut mampu menangani salah laku, satu pendekatan yang seimbang perlu diambil untuk memastikan pelaksanaannya tidak akan membawa kesan yang boleh menjejaskan kestabilan sektor korporat. Di sini, cabarannya ialah untuk memastikan keseimbangan di antara pengawalseliaan kerajaan dan pengawalseliaan sendiri. Ucapan saya pada malam ini akan memberi tumpuan terutamanya terhadap kepentingan tadbir urus korporat dalam konteks sektor kewangan, dan mengapa ianya kritikal memandangkan kesannya yang amat penting terhadap kestabilan kewangan dan pertumbuhan berterusan dan dinamisme ekonomi pada jangka panjang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagai tulang belakang ekonomi, sebuah sistem perbankan yang berfungsi dengan baik dan efisien adalah amat penting bagi menjana prestasi ekonomi yang mapan dan berterusan, lantas

memperbaiki tahap kebajikan serta taraf kehidupan. Dalam konteks sebuah ekonomi yang progresif dan berdaya saing, institusi perbankan melaksanakan fungsi penting dalam menyalurkan dana secara efisien bagi pelaburan yang produktif. Memandangkan peranan istimewa yang dimainkan oleh institusi perbankan di dalam ekonomi dengan melaksanakan fungsi perantaraan melalui penyaluran dana di antara penyimpan dan pelabur, tahap integriti dan tadbir urus yang tinggi di kalangan institusi perbankan adalah lebih utama. Keperluan bagi memastikan keyakinan pendeposit dalam mengamanahkan simpanan mereka kepada institusi kewangan tidak boleh diabaikan. Manakala para pendeposit harus diyakinkan tentang keselamatan deposit mereka, pelaburan produktif hanya mampu terus kukuh sekiranya dana-dana disalurkan secara efisien dan mencerminkan kos modal melepas dan pulangan atas pelaburan.

Urus niaga perbankan melibatkan pelbagai risiko yang perlu diurus dengan ketat sekiranya keyakinan umum terhadap sistem perbankan ingin dikekalkan. Risiko-risiko tersebut termasuklah antaranya risiko kredit, risiko pasaran, risiko kedaulatan dan risiko pertukaran asing. Disebabkan kesan meluas terhadap ekonomi keseluruhan, urus niaga perbankan adalah terlalu penting untuk dibiarkan sepenuhnya di bawah pengawalseliaan sendiri. Justeru itu, rangka kerja pengawalseliaan yang telah disediakan merupakan bahagian penting dalam proses memastikan keutuhan dan kecekapan sistem perbankan di samping melindungi kepentingan para pendeposit dan pelabur.

Meskipun banyak langkah mampu dilaksanakan untuk mengukuhkan pengawalan, penyeliaan dan pengawasan pengurusan risiko oleh institusi kewangan, akauntibiliti dan kebertanggungjawaban muktamad adalah terletak di bahu lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan. Justeru itu, pengawalseliaan institusi perbankan perlu dilengkap dan diperkukuhkan dengan amalan tadbir urus korporat dalaman yang jitu. Tambalan pula, pengalaman antarabangsa telah menunjukkan bahawa tidak semua kegagalan perbankan disebabkan krisis ekonomi dan kewangan. Sesetengah kegagalan perbankan telah disebabkan oleh tiadanya tadbir urus korporat yang baik. Kekurangan pengawasan, kekurangan ketelusan, kawalan dalaman yang lemah, kekurangan sekatan dan imbangan, pengarah yang tidak cekap dan penyalahgunaan kuasa adalah antara elemen tadbir urus korporat yang lemah. Pengawalseliaan dan penyeliaan serta jaringan keselamatan kewangan yang terbaik sekalipun tidak mampu mengelakkan kegagalan perbankan. Dengan ini, pengawalseliaan institusi perbankan perlu dilengkapi dengan tadbir urus korporat yang baik. Kedudukan istimewa institusi kewangan dan peranan penting mereka dalam ekonomi menyebabkan keperluan kepada tadbir urus korporat yang baik adalah lebih utama. Malah, ia lebih penting berbanding dengan sektor korporat memandangkan kebanyakan dana bagi urus niaga mereka adalah dimiliki oleh para pendeposit. Tambahan pula, kegagalan sesebuah institusi perbankan bukan sahaja melibatkan pemegang-pemegang saham, malah menyebabkan implikasi sistemik terhadap kestabilan keseluruhan sistem kewangan.

Dalam konteks industri perbankan, tadbir urus korporat merangkumi cara bagaimana urus niaga dan urusan sesebuah institusi perbankan dilaksanakan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan, bagaimana pulangan ekonomi dijana kepada pemilik dan mengambil kira kepentingan pihak-pihak berkepentingan termasuk para pendeposit dan bagaimana mereka bertindak dengan cara yang selamat dan utuh selaras dengan keperluan

mematuhi undang-undang dan pengawalseliaan. Dalam konteks ini, tahap ketelusan dalam urusniaga perbankan, dibantu oleh piawaian perakaunan yang sesuai dan mencerminkan nilai benar dan saksama operasi perbankan akan menghasilkan tahap akauntabiliti dan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi di kalangan pihak pengurusan bank.

Oleh itu, tadbir urus korporat dalam sektor perbankan melibatkan pelbagai amalan berkaitan pelaksanaan urus niaga yang baik, nilai-nilai, etika dan keseluruhan budaya organisasi serta tindak tanduk kakitangan. Ia bukan hanya melibatkan proses dan sasaran kewangan bagi memenuhi hasrat pemegang saham, tapi juga amalan terbaik berurusan dengan para pendeposit, pelanggan dan pihak-pihak berkepentingan lain. Meskipun lembaga pengarah dan pengurusan kanan dipertanggungjawabkan dengan isu-isu operasi dan sasaran kewangan, juga penting ialah mewujudkan pucuk pimpinan yang utuh dalam berurusan dengan kesemua pihak yang berkepentingan dengan institusi kewangan. Sebuah lembaga dan pengurusan yang progresif akan menyediakan pimpinan bagi institusi kewangan terus berkembang, menyediakan polisi dan rangka kerja pengurusan risiko yang utuh bagi menyerap kejutan kewangan dan kitaran kemelesetan. Pengalaman telah menunjukkan bahawa kurangnya tahap integriti, kejujuran, profesionalisme, kawalan yang lemah dan pengambilan risiko yang tidak sihat merupakan resipi kepada pengagihan sumber yang sub-optimal dan prestasi ekonomi yang hambar.

Prestasi berterusan memerlukan penilaian semula bentuk-bentuk urus niaga masa kini. Dalam suasana yang lebih kompetitif, tekanan pasaran bagi penumpuan terhadap pulangan jangka pendek ternyata memberikan kesan mendalam terhadap urus niaga perbankan dan cara ianya dijalankan. Sistem kewangan yang semakin liberal dan berhubungkait secara global serta pasaran dunia telah mendedahkan ahli korporat Malaysia kepada pelbagai peluang dan juga risiko. Dalam masa yang sama, kemajuan dan kecanggihan dalam teknologi maklumat dan komunikasi membawa kesan langsung terhadap kesesuaian bentuk perniagaan masa kini, proses membuat keputusan serta pelaksanaan urus niaga di dalam dunia yang cepat berubah. Kesemua perkembangan ini dalam masa yang sama telah menyebabkan harapan yang tinggi terhadap lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk memimpin dan mengimbangi pertimbangan, serta berpandangan jauh dalam menerajui organisasi mereka ke hadapan.

Dalam suasana hari ini di mana daya saing dan kemampuan berterusan adalah kritikal, elemen pembeza yang menentukan pemenang bukan hanya memiliki cadangan perniagaan yang mempunyai nilai, tetapi juga memiliki kakitangan yang cekap, dengan sikap, nilai dan perspektif yang betul. Amat penting lagi ialah komunikasi efektif berkaitan aspirasi jangka panjang dan strategi kepada kakitangan dan pemegang saham bagi menyumbang ke arah mengukuhkan kekuatan organisasi bagi pertumbuhan jangka panjang. Dalam suasana yang baru, tumpuan kepada penjanaan nilai telah beralih daripada aset fizikal kepada aset tak ketara. Dalam konteks institusi perbankan dalam ekonomi baru, pembangunan bakat terbaik yang menyediakan kepimpinan yang sesuai dan kebolehan pengurusan bagi ekonomi pasaran baru perlu diberikan keutamaan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan langkah bagi institusi perbankan memberikan penekanan terhadap pembangunan kakitangan dan pengukuhan kapasiti bagi memastikan penerusan prestasi institusi perbankan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sesungguhnya, budaya tadbir urus korporat

yang mantap sememangnya melangkaui kebebasan dan kebertanggungjawaban ahli-ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan, meliputi usaha mengukuhkan penguatkuasaan pengawalseliaan. Di kebanyakan negara-negara membangun, terdapat pergantungan yang tinggi ke atas pengawalan dan pendisiplinan sendiri dalam menggalakkan tadbir urus korporat yang baik, khususnya dalam bidang amalan perakaunan dan pengauditan. Walau bagaimanapun amalan perakaunan dan pengauditan yang dipersoalkan serta kegagalan korporat yang berlaku telah menimbulkan persoalan yang serius tentang perlunya pengawasan peraturan yang lebih ketat. Oleh yang demikian, strategi dalam mengukuhkan disiplin pasaran memerlukan keseimbangan di antara peraturan berhemat, disiplin pasaran dan pengawasan pemegang saham untuk menggalakkan kestabilan jangka panjang.

Sebagai usaha berterusan untuk menyelaraskan ahli-ahli lembaga pengarah dengan pemegang saham, Bank Negara Malaysia pada masa ini sedang mengkaji semula rangka kerja tadbir urus korporat bagi institusi-institusi perbankan dengan objektif untuk memberi penekanan yang lebih khusus kepada peranan pengarah bebas, kelayakan minimum dan bayaran pampasan mereka. Dalam suasana di mana perniagaan memerlukan keseimbangan di antara kepentingan pelbagai pemegang saham, yang mungkin akan bercanggah pada sesuatu masa, rangka kerja yang sesuai untuk sekatan dan imbangan yang aktif adalah amat penting. Dalam hal ini, pembangunan sekumpulan pengarah-pengarah bebas akan menjadi faktor utama. Cabarannya adalah dalam mengenal pasti pengarah-pengarah luar yang bebas tetapi berpengetahuan untuk memikul tugas sebagai pemerhati kepada pemegang saham minoriti dan pemegang-pemegang saham lain. Kebebasan mencerminkan kualiti keobjektifan, pengalaman, wawasan dan kekuatan tokoh. Keperluan bagi pengarah-pengarah untuk memiliki gabungan pengetahuan dan kebebasan adalah penting sejajar dengan aktiviti-aktiviti perniagaan yang semakin kompleks dan perubahan yang pantas dalam pasaran dan amalan kewangan. Mendapatkan keseimbangan yang betul di antara kemahiran dan kebebasan supaya ahli-ahli lembaga tidak meluluskan keputusan pihak pengurusan atasan adalah merupakan cabaran utama.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Di Malaysia, pihak kerajaan adalah merupakan pemangkin utama dalam pembentukan semula tadbir urus korporat. Malaysia telah mengambil pendekatan hibrid ke arah pembentukan semula tadbir urus korporat yang merangkumi pembentukan semula undang-undang, pengawalseliaan sendiri serta mengambil langkah untuk menggalakkan pengawalan berasaskan pasaran. Malaysia telah meneruskan usaha berlandaskan dasar bahawa terdapat aspek-aspek tadbir urus di mana pengawalan berkanun adalah penting dan efektif dan di mana pengawalan sendiri adalah lebih sesuai. Pengeluaran Laporan Ahli Jawatankuasa Kewangan mengenai Tadbir Urus Korporat pada tahun 1999 telah menandakan satu permulaan baru dalam usaha-usaha bersepadu ke arah meningkatkan tahap tadbir urus korporat di Malaysia. Keperluan untuk meneruskan usaha untuk membina rangka kerja perundangan dan proses ke institusi telah dikenal pasti sebagai penting untuk menyokong pembangunan amalan tadbir urus korporat dalam pasaran modal dan kewangan.

Dalam konteks ini, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan standard tadbir urus korporat dalam sektor perbankan. Akta Bank dan Intitusi-Institusi Kewangan 1989 telah memperuntukkan rangka kerja perundangan untuk melindungi kepentingan

pemegang saham, pelanggan dan juga menyediakan rangka kerja berhemat dalam menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan. Contoh-contoh peruntukan dalam Akta tersebut termasuklah had maksimum ke atas pemegangan saham bagi individu dan syarikat dalam institusi kewangan untuk mengelakkan penumpuan pemilikan. Terdapat juga sekatan dalam pemberian kredit kepada pihak berkaitan untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya situasi konflik dalam kepentingan dan juga mengenakan had terhadap pemberian pinjaman kepada seseorang pelanggan. Langkah-langkah lain termasuklah pengeluaran garis panduan yang spesifik terhadap peranan dan tanggung jawab-tanggung jawab pengarah dan ahli jawatan kuasa audit.

Satu Kod Perlakuan Untuk Pengarah, Pegawai dan Pekerja dalam Industri Perbankan telah diperkenalkan untuk menggalakkan dan mengekalkan standard etika yang seragam supaya integriti dan kebolehpercayaan pekerja-pekerja institusi-institusi perbankan dapat dijaga. Standard Minimum Audit Dalaman dengan sasaran untuk memperbaiki kualiti audit dalaman bagi menyediakan asas kepada panduan dan pengukuran pencapaian fungsi audit dalaman dan memperbaiki keberkesanan operasi institusi-institusi kewangan juga telah disediakan. Garis Panduan tersebut juga telah menetapkan tugas-tugas utama dan tanggungjawab-tanggungjawab juru audit dalam, skop tugas audit, laporan dan dokumentasi audit dalaman dan juga menekankan bahagian operasi yang keritikal yang perlu diberi perhatian oleh para juruaudit dalaman. Tambahan lagi, untuk memperbaiki tahap ketelusan, standard minimum pendedahan dalam penyata kewangan telah dilaksanakan dan dikaji secara berterusan bagi menyediakan maklumat yang cukup dan sesuai mengenai profil risiko institusi kewangan, kekukuhan kewangan dan pencapaian syarikat kepada orang awam. Objektif utama garis panduan ini ialah untuk menimbulkan keyakinan orang awam terhadap institusi perbankan dan untuk memastikan bahawa pihak pengurusan dan ahli-ahli lembaga pengarah mempamerkan integriti dan profesionalisme dalam menguruskan institusi-institusi perbankan.

Kesimpulan

Kepentingan tadbir urus korporat adalah jelas. Adalah penting bagi semua pemegang saham, kedua-dua peserta sektor awam dan persendirian menyemai dan menanam budaya amalan tadbir urus korporat yang baik. Tangggungjawab untuk memastikan tadbir urus korporat yang sihat mestilah dilaksanakan secara bersama dengan pihak berkuasa, syarikat, pengantara kewangan, pengawal selia dan pemegang saham. Walaupun banyak usaha telah dibuat untuk memastikan rangka kerja tadbir urus korporat disediakan, ianya masih tidak mencukupi. Cabarannya adalah dalam aplikasi untuk menterjemahkannya kepada pelaksanaan. Untuk memastikan tadbir urus korporat berjalan, tadbir urus korporat yang baik perlu digarap dalam semua aspek. Persaingan tidak harus dilihat sebagai penghalang untuk berkongsi maklumat dan pengalaman dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan bersama untuk kebaikan industri dan ekonomi secara keseluruhannya. Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian anda sekalian.

KALENDAR PERISTIWA
Januari - Mac 2003

30 Januari 2003
Bank Negara Malaysia telah melancarkan Program Pendidikan Pengguna "BankingInfo" untuk sektor perbankan. Program ini adalah satu langkah penting ke hadapan dalam usaha memodenkan sistem kewangan negara di samping merupakan salah satu daripada strategi Pelan Induk Sektor Kewangan bagi mempertingkatkan prasarana perlindungan pengguna.

6 Februari 2003
Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan duit syiling peringatan sempena Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) ke XIII yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 20-25 Februari 2003.

26 Mac 2003
Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Laporan Tahunan 2002 yang memberikan analisis perkembangan ekonomi dan monetari bagi tahun 2002, serta unjuran prospek ekonomi negara bagi tahun 2003. Ia juga mengandungi Akaun Tahunan Bank pada akhir tahun 2002.

26 Mac 2003
Sebagai sebahagian daripada langkah berterusan untuk memastikan tersedianya dana yang mencukupi pada kos yang munasabah bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Bank Negara Malaysia telah mengumumkan tambahan peruntukan sebanyak RM600 juta untuk Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) dan RM400 juta untuk Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2). Selain itu, beberapa inisiatif-inisiatif lain juga telah dilaksanakan bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan oleh IKS, termasuk menyuntik RM1 bilion ke dalam Syarikat Jaminan Kredit (CGC) bagi meningkatkan kapasitinya memberi jaminan. Bank juga telah menyusun semula ERF Sdn. Bhd. menjadi sebuah "badan bertujuan khusus (SPV)" untuk memberi pembiayaan dan khidmat nasihat kepada IKS Bumiputera.

26 Mac 2003
Bank Negara Malaysia telah mengumumkan langkah liberalisasi lanjutan terhadap beberapa peraturan kawalan pertukaran asing, yang bertujuan memperbaiki suasana perniagaan di Malaysia dengan memberikan lebih fleksibiliti kepada pemastautin dan bukan pemastautin untuk mendapatkan dana ringgit, menguruskan dedahan kepada tukaran asing serta memperbaiki kecekapan operasi keseluruhan.

26 Mac 2003
Bank Negara Malaysia telah mengumumkan penubuhan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa untuk menyediakan pendekatan berfokus dan tersusun untuk pembangunan sumber manusia bagi pengurusan kanan dalam sektor kewangan. Bank akan memperuntukkan RM500 juta sebagai dana endowmen untuk menubuhkan pusat tersebut.